



PENYATA RASMI

OFFICIAL REPORT

DEWAN NEGARA

SENATE

PARLIMEN KETIGA

Third Parliament

PENGGAL PARLIMEN KEDUA

Second Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN [Ruangan 1073]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Piawaian (Pindaan) [Ruangan 1082]

Rang Undang-undang Pusat Penyelidikan Getah Malaya (Perluasan dan Pindaan) [Ruangan 1084]

Rang Undang-undang Kumpulanwang Getah Malaya (Penyelidikan dan Kemajuan) (Perluasan dan Pindaan) [Ruangan 1121]

Rang Undang-undang Kumpulanwang Perusahaan Getah (Penanaman Semula) (Perlanjutan Kuatkuasa) [Ruangan 1133]

MALAYSIA
DEWAN NEGARA YANG KETIGA

Penyata Rasmi

PENGGAL YANG KEDUA

Hari Khamis, 7hb September, 1972

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

YANG HADIR:

- Yang Berhormat Tuan Yang di Pertua, TAN SRI HAJI ABDUL HAMID KHAN BIN HAJI SAKHAWAT ALI KHAN, P.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, TAN SRI ONG YOKE LIN, P.M.N. (Dilantik).
- „ Peguam Negara, TAN SRI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN ABDULLAH BIN DATUK HAJI ABDUL RAHMAN, J.M.N. (Johor).
- „ TUAN ABDUL RAHIM BIN ABDUL MANAN, A.M.N., P.J.K. (Negri Sembilan).
- „ DATUK HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSSIN, D.S.W., J.S.M. (Dilantik).
- „ TUAN ABDUL SAMAD BIN OSMAN (Dilantik).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN AHMAD, S.M.T., P.J.K. (Trengganu).
- „ TUAN HAJI ABU BAKAR BIN HAMZAH, J.P. (Kelantan).
- „ TUAN AMALUDDIN BIN DARUS, J.P. (Kelantan).
- „ TUAN A. ARUNASALAM, A.M.N. (Dilantik).
- „ DATUK CHAN KWONG HON, D.P.M.S., J.M.N., S.M.S., J.P. (Selangor).
- „ DATUK DR CHEAH TOON LOK, D.P.M.K., D.M.K., J.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ DATUK CHONG FOO KHIN, P.J.K., J.P. (Negri Sembilan).
- „ TUAN CHUA CHING CHENG, P.J.K. (Melaka).
- „ DATUK J. E. S. CRAWFORD, S.P.M.P., D.P.M.P., J.M.N., J.P., Datuk Kurnia Indera (Dilantik).
- „ PUAN DASIMAH DASIR, A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ DATUK FOO SEE MOI, D.P.M.K., J.P. (Dilantik).
- „ TAN SRI GAN TECK YEOW, P.S.M., J.M.N. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI HASSAN BIN HAJI YAAKUB, J.P. (Melaka).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN HAJI NIK YAHYA, D.J.M.K., J.M.N., P.M.K. (Dilantik).
- „ DATUK SYED HASSAN AIDID, J.M.N., P.J.K., J.P. (Pulau Pinang).
- „ TUAN IBRAHIM BIN HAJI YAACOB, P.J.K. (Selangor).
- „ TUAN ISMAIL BIN SHEIK IBRAHIM, P.P.N. (Perlis).
- „ TUAN HAJI C. D. ISMAIL, J.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN KAMARUL ARIFFIN BIN MOHAMED YASSIN (Dilantik).
- „ TUAN THOMAS KANA, K.M.N. (Dilantik).

- Yang Berhormat TUAN LEE LOY SENG (Dilantik).
- „ TUAN G. LOUIS (Dilantik).
- „ TUAN S. T. MANI, P.J.K. (Dilantik).
- „ DATUK MANSOR BIN MOHAMAD, D.P.M.T., A.M.N. (Trengganu).
- „ TUAN AWANG DAUD MATUSIN (Dilantik).
- „ TUAN MOHD. HANIPAH BIN S. ALAUDIN, A.M.N., J.P. (Kedah).
- „ TAN SRI MOHD. NOOR TAHIR (T.H.) TAN, P.M.N., J.M.N., C.W.E. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI MOHD. SAAID BIN HAJI ABU BAKAR (Dilantik).
- „ TUAN OH SIEW AUN, J.P. (Pulau Pinang).
- „ TOK PANGKU PANDAK HAMID BIN PUTEH JALI, P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N. (Perlis).
- „ WAN SULAIMAN BIN WAN TAM, P.J.K. (Dilantik).
- „ DATUK E. E. C. THURASINGHAM, D.P.M.J., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN TING MING HIA (Sarawak).
- „ DATUK S. O. K. UBADULLA, D.P.M.S., J.M.N. (Dilantik).
- „ TUAN WONG SENG CHOW, A.M.N. (Dilantik).
- „ TUAN YEAP KHENG YAM (Perak).

YANG TIADA HADIR :

- Yang Berhormat Menteri Tugas-tugas Khas, DR LIM KENG YAIK (Dilantik).
- „ PUAN AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, J.M.N. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ALI BIN HAJI ISMAIL, J.M.N., S.M.K., P.J.K., J.P. (Kedah).
- „ DATUK WAN IBRAHIM BIN WAN TANJONG, J.M.N., P.J.K., Orang Kaya Indera Maharaja Purba Jelai (Pahang).
- „ DATUK KHOO SIAK CHIEW, S.P.D.K. (Sabah).
- „ DR LIM AH SITT, P.I.S. (Johor).
- „ DATUK ATHI NAHAPPAN, D.P.M.S. (Dilantik).
- „ DATUK NGAU KEN LOCK, J.M.N., P.J.K., J.P., Datuk Kurnia Panglima Raja (Pahang).
- „ DATUK TEMENGGONG OYONG LAWAI JAU, P.N.B.S., M.B.E. (Sarawak).
- „ DATUK HAJI O. K. K. SAID BESAR SIGOH BIN SINGKUNAN, P.G.D.K., A.D.K., B.E.M. (Sabah).
- „ TUAN YAHYA BIN HAJI AHMAD (Perak).
- „ TUAN ZAINUDDIN BIN HAJI MOHD. SIDIN, P.J.K. (Dilantik).

YANG HADIR BERSAMA :

- Yang Berhormat Menteri Perhubungan, TAN SRI HAJI SARDON BIN HAJI JUBIR, P.M.N., S.P.M.K. (Pontian Utara).
- „ Menteri Perusahaan Utama, TUAN HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD (Samarahan).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN LEE SAN CHOON, K.M.N. (Segamat Selatan).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN MOHAMED BIN YAACOB, P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).

DOA

(Tuan Yang di Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

GERAKAN PEMBAHARUAN

1. Tuan Amaluddin bin Darus (*di bawah S. O. 23 (2)*) minta Perdana Menteri menyatakan garis-garis kasar "Dasar Pembaharuan" seperti yang diistiharkan oleh beliau baru-baru ini dan samada dasar ini berbeza dari dasar "ekonomi baru" seperti yang diistiharkan oleh beliau dahulu.

Peguam Negara (Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof): Tuan Yang di Pertua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak pernah mengistiharkan "Dasar Pembaharuan". Apa yang Yang Amat Berhormat lancarkan di Dungun ialah "Gerakan Pembaharuan" bukan "Dasar Pembaharuan".

Gerakan Pembaharuan ialah rancangan pembangunan masyarakat yang akan dilaksanakan dengan cara baharu. Memandangkan kepada keadaan negara kita sekarang, dan dengan adanya pemikiran-pemikiran baharu mengenai masyarakat kita, maka matlamat dan objektif rancangan pembangunan masyarakat mestilah juga diselaraskan dengan matlamat dan objektif pembangunan negara. Oleh itu, dengan sendirinya rancangan-rancangan pembangunan masyarakat mestilah diselaraskan dengan Dasar Ekonomi Baru. Ini bererti bahawa Gerakan Pembaharuan ialah sebahagian daripada rancangan-rancangan untuk mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru Kerajaan.

Tuan Amaluddin bin Darus: Tuan Yang di Pertua, soalan tambahan. Di dalam apa yang dikatakan Gerakan Pembaharuan itu yang berhubungan dengan ekonomi baru adakah termasuk dalam pembangunan dari segi mental dan kerohanian?

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di Pertua, bila kita adakan sesuatu rancangan atau pesta menunjukkan cara-cara Gerakan Pembaharuan itu, saya percaya

sesiapa rakyat dalam kawasan itu memandangkan selogan-selogan, cara-cara perarakannya, pertunjukan-pertunjukannya, tentulah mendatangkan perubahan fikiran rakyat yang mengambil bahagian dalam sesuatu temasya Gerakan Pembaharuan itu. Pada segi itu termasuklah apa diucapkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

PASUKAN BERSENJATA KEMALANGAN YANG MELIBATKAN

2. Tuan Wong Seng Chow minta Menteri Pertahanan menerangkan apa arahan diberi terhadap Pasukan Bersenjata berhubung dengan kemalangan-kemalangan yang melibatkan Pasukan Bersenjata dan kenderaan awam, jika ada arahan demikian itu, apa langkah-langkah yang diambil untuk menentukan bahawa arahan ini dipatuhi.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di Pertua, arahan-arahan menurut peruntukan-peruntukan di dalam Ordinan Lalulintas Jalanraya No. 49 tahun 1958 memang ada dikeluarkan oleh Kementerian Pertahanan berhubung dengan kemalangan jalanraya yang melibatkan kenderaan Angkatan Tentera atau anggota-anggotanya.

Arahan-arahan ini menetapkan peraturan-peraturan mengenai kewajipan melapor kepada kemalangan kepada pihak polis, layanan terhadap orang-orang yang cedera dan hartabenda yang rosak akibat kemalangan itu, tatacara perundangan, Lembaga Penyiasatan dan lain-lain perkara yang berkaitan. Untuk memastikan supaya ianya difahami betul-betul dan dipatuhi oleh semua yang berkenaan, peraturan-peraturan itu diulangi dan dihuraikan lebih lanjut di dalam perintah-perintah tetap Angkatan Tentera dan peraturan-peraturan pentadbiran dan diistiharkan dari semasa kesemasa oleh unit-unit dan pasukan-pasukan.

Tindakan tatatertib adalah dikenakan terhadap mereka yang tidak mematuhi arahan-arahan itu.

LORI AWAM/ANGKATAN TENTERA—KESALAHAN MEMECUT

3. Tuan Wong Seng Chow minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menerangkan bilangan lori-lori awam dan kenderaan Pasukan Bersenjata yang telah ditangkap di tiap-tiap negeri kerana kesalahan memecut

serta menyatakan beberapa di antara kesalahan-kesalahan itu telah dilangsaikan dan berapa bilangan diserahkan ke Mahkamah.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Mohamed bin Yaacob): Tuan Yang di Pertua, bilangan lori-lori awam dan kenderaan Angkatan Tentera yang telah ditangkap kerana kesalahan memecut mengikut negeri-negeri di antara 1hb Januari, 1972 hingga 31hb Julai, 1972 ialah seperti berikut:

<i>Negeri</i>	<i>Kenderaan Awam</i>	<i>Angkatan Tentera</i>
Selangor ...	126 ...	1
Negri Sembilan ...	46 ...	1
Melaka ...	7 ...	0
Johor ...	109 ...	12
Pahang ...	129 ...	4
Perak ...	11 ...	0
Pulau Pinang ...	93 ...	1
Kelantan ...	0 ...	0
Trengganu ...	0 ...	0
Kedah/Perlis ...	50 ...	0
JUMLAH ...	571	19

Semua kenderaan-kenderaan yang tersebut di atas telah disaman dan diserahkan ke Mahkamah. Tiada kes-kes ini yang di compoundkan.

TEKSI/BAS/LORI—MENGE- LUARKAN ASAP BERLEBIHAN

4. Tuan Yeap Kheng Yam minta Menteri Perhubungan menyatakan samada beliau sedar bahawa asap-asap kotor yang keluar dari paip-paip asap lori-lori (termasuk lori-lori J.K.R.), bas-bas dan teksi-teksi di jalan-jalan raya telah membahayakan kesihatan rakyat, dan jika ya, samada beliau telah mengambil tindakan-tindakan yang tegas untuk mengatasi.

Menteri Perhubungan (Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir): Tuan Yang di Pertua, Kementerian saya sedar akan adanya teksi-teksi, bas-bas dan lori-lori yang mengeluarkan asap yang berlebih-lebihan. Jabatan Pengangkutan Jalan sentiasa membuat pemeriksaan ke atas kenderaan-kenderaan ini dan di dalam tempoh dua belas bulan

yang kebelakangan lebih kurang 249 kenderaan telah diambil tindakan tiap-tiap bulan. Kajian juga sedang dibuat berhubung dengan hal ini dan kiranya didapati perlu undang-undang yang ada sekarang ini akan dipinda dan diketatkan lagi untuk mengatasi pencemaran udara (pollution) ini.

Datuk S. O. K. Ubaidulla: Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Dapatkah saya bertanya Yang Berhormat Menteri yang berkenaan terhadap bas Sri Jaya dan teksi "Yellow Top", adakah diberi kepada kedua-dua pihak ini hak yang luar biasa. Kalau tidak, mengapa tindakan yang keras tidak diambil atas kedua-dua kompeni ini?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di Pertua, Kementerian dan pegawai saya tidak membeza-bezakan, tidak ada special privilege. Kalau Yang Berhormat Datuk ada apa-apa komplek, tolong berhubung dengan saya dan kita akan immobilizekan on the spot.

Tuan Amaluddin bin Darus: Tuan Yang di Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan itu tahu dengan sebenar-benarnya, mana yang lebih bahaya, asap daripada benzine atau asap dari disel?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Ini adalah technical, tetapi daripada research yang saya dapat tahu, sungguhpun asap tidak nampak berkepul-kepul, asap daripada benzine adalah lebih merbahaya daripada asap daripada disel ini. Walau bagaimana pun kita tidak mahu asap yang banyak, kerana pollution must be kept out, supaya rakyat di Malaysia ini lebih sehat lagi.

Wan Sulaiman bin Wan Tam: Tuan Yang di Pertua, saya hendak bertanya sedikit berkenaan dengan bas-bas dan lori-lori ini. Di Alor Star ada beberapa buah lori-lori membawa ikan busuk untuk buat baja melalui jalan raya daripada Tongkang Yard Alor Star ke Pulau Pinang tiap-tiap hari, di antara pukul 7.00 sampai 9.00 malam. Jikalau sesiapa sahaja daripada Pulau Pinang pergi ke Alor Star dengan berkereta, dia akan bertemu bau busuk itu. Bau busuk itu amat keras untuk dihidu.

Tuan Yang di Pertua: Apakah soalan tambahannya? Adakah hendak bertanya tentang apa yang berbau busuk dalam lori itu, ataupun apa?

Wan Sulaiman bin Wan Tam: Apakah tindakan yang telah diambil atas perkara yang saya telah ceritakan itu. Bau busuk itu, dapat dialami oleh pelancung-pelancung dari dalam dan luar. Pegawai-pegawai di daerah pekan Alor Star ini seperti Ketua Polis, Penolong Pendaftar Kenderaan, Setiausaha Majlis Bandaran dan Pegawai Daerah, yang menjadi Pengerusi Jawatankuasa perkara udara kotor, kesemuanya telah ada pengalaman bau busuk itu. Hinggakan orang-orang yang sembahyang di mesjid pun mengalami busuk itu.

Tuan Yang di Pertua: Itu hanya satu statement, bukan soalan!

Wan Sulaiman bin Wan Tam: Soalan saya ialah, "Apakah langkah yang Menteri berkenaan boleh menolong mengatasi perkara ini?"

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di Pertua, malangnya saya adalah seorang Menteri Perhubungan pada hari ini. Saya akan menghubungkan dengan sahabat saya, Menteri Kesihatan dan Kementerian Kesihatan dengan Kementerian Perhubungan dengan pihak Polis dan orangramai yang komplek; Ahli Yang Berhormat seorang daripadanya, kita barangkali boleh specifykan orang-orang yang hendak membawa benda-benda yang berbau busuk ini, dia mesti ada refrigerator. Dijadikan itu sebagai satu syarat. Perkara itu, saya akan sampaikan atas perkara itu nanti. Terima kasih.

PERMIT BAS SEKOLAH— PERSATUAN MURID-MURID SEKOLAH PERAK

5. Tuan Yeap Kheng Yam minta Menteri Perhubungan menyatakan mengapakah Lembaga Pelesenan Pengangkutan Jalan Raya Malaysia Barat baru-baru ini telah menolak satu permohonan dari Persatuan Kenderaan Murid-murid Sekolah Perak untuk mendapatkan sebuah bas kecil (mini-bus) bagi kegunaan ahli-ahli Persatuan itu apabila bas-bas sekolah mereka menghadapi kerosakan; dan samada beliau akan menimbang semula permohonan tersebut.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di Pertua, dasar pengeluaran permit-permit bas sekolah ialah untuk memberi kemudahan pengangkutan kepada murid-murid

sekolah bagi sesuatu kawasan dimana, kemudahan pengangkutan untuk murid-murid ini tidak ada ataupun tidak mencukupi, untuk membawa murid-murid ini daripada tempat kediamannya ke sekolah dan sebaliknya.

Persatuan Murid-murid Sekolah Perak telah memohon bas sekolah untuk tujuan yang lain daripada tujuan ini. Oleh yang demikian Lembaga Perlesenan Pengangkutan Jalan telah menolak permohonannya itu kerana telah keluar daripada tujuan yang asal.

LESEN TEKSI—SYARAT MEMOHON

6. Tuan Yeap Kheng Yam minta Menteri Perhubungan menyatakan syarat-syarat yang diperlukan bagi seseorang untuk memohon mendapatkan sebuah lesen teksi; dan samada seseorang pemegang lesen teksi itu terpaksa mengusahakan teksinya sendiri ataupun ia boleh menyewakannya kepada orang-orang lain.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di Pertua, syarat-syarat yang diperlukan bagi seseorang itu memohon untuk mendapatkan lesen teksi atau permit teksi atau kereta sewa bagi suatu pengkalan yang telah diakui kekosongannya dan diisytiharkan ialah bahawa pemohon hendaklah diam atau tinggal dipengkalan menurut dimana adanya kekosongan lesen-lesen itu kecuali di-kawasan-kawasan bandar. Menurut Undang-undang Lalu Lintas Jalan, 1958 seseorang pemegang lesen adalah dikehendaki mengawal dan mengusahakan perjalanan dan pentadbiran teksi atau kereta sewanya sendiri dan adalah menjadi satu kesalahan kepada pemegang lesen menyewakan lesennya kepada orang lain jika pemegang lesen tidak berkuasa dan mengawal perjalanan serta pentadbiran teksi atau kereta sewanya, tetapi yang penting, yang memohon tinggal di situ dan tahu membawa teksi, itu dua perkara yang perlu, tetapi yang utama diberi kepada bekas Ahli-ahli Pertahanan.

Tuan Amaluddin bin Darus: Tuan Yang di Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Menteri yang berkenaan menerangkan berapa persenkah daripada jumlah orang-orang yang telah menerima permit benar-benar mengikuti syarat yang seperti itu?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Itu soalan lain, tetapi saya sentiasa memberi amaran dan nasihat tidak ada lagi main gantung, siapa yang memberi sewa, akan di potong terus. Itu adalah kuasa Majlis Pelesen.

MOGOK—CAMPURTANGAN KEMENTERIAN

7. Tuan Amaluddin bin Darus (*di bawah S.O. 23 (2)*) minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan bilangan pemogokan-pemogokan berlaku dalam tahun 1972, dan dari bilangan ini, berapa banyak pemogokan-pemogokan di mana Kementerian ini terpaksa mencampurtangan bagi faedah pekerja-pekerja/majikan-majikan.

Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tuan Lee San Choon): Tuan Yang di Pertua, daripada 1hb Januari, 1972 hingga 15hb Ogos, 1972, 39 pemogokan-pemogokan telah berlaku, melibatkan 5,835 orang pekerja dan mengakibatkan kehilangan 20,382 hari. Dalam pemogokan-pemogokan dimana pekerja-pekerja berkesatuan kadangkala pihak kesatuan yang berkenaan tidak menginginkan campurtangan Kementerian ini dan kadangkala khususnya pemogokan selama sehari tamat dengan sendirinya. Kesemua pemogokan-pemogokan telahpun tamat dan Kementerian ini campurtangan serta menyelesaikan 21 daripada pemogokan-pemogokan itu.

Tuan Amaluddin bin Darus: Soalan tambahan. Adakah kejadian pemogokan itu disedari oleh Kerajaan samada timbulnya oleh kerana perasaan tidak puas hati dan menuntut keadilan, ataupun ada anasir-anasir lain yang memainkan peranan dari belakang bagi melahirkan pemogokan seperti itu?

Tuan Lee San Choon: Tuan Yang di Pertua, pemogokan-pemogokan itu telah berlaku oleh sebab-sebab yang tidak sama di tiap-tiap pemogokan. Jika Ahli Yang Berhormat itu ingin tahu sebab-sebab berlakunya pemogokan, sila beri notis, kita akan beri tahu.

Datuk S. O. K. Ubaidulla: Tuan Yang di Pertua, dapatkah saya bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, kejadian-kejadian pemogokan semua, adakah menurut Undang-undang Labour Laws, kalau tidak, mengapa Kementerian yang berkenaan itu tidak mengambil tindakan dengan segera?

Tuan Lee San Choon: Pemogokan-pemogokan yang berlaku yang tidak mengikut Undang-undang yang ada, tindakan telah diambil oleh Kementerian saya.

Tuan Kamarul Ariffin bin Haji Mohd. Yasin: Soalan tambahan. Daripada angka 39 yang diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, berapakah pemogokan yang tidak mengikut peraturan?

Tuan Lee San Choon: Saya minta notis untuk soalan itu.

BIRO—BANTUAN GUAMAN

8. Tuan Amaluddin bin Darus (*di bawah S. O. 23. (2)*) minta Peguam Negara menyatakan bilangan Biro-biro Bantuan Guaman yang ditubuhkan di Malaysia Barat dan bilangan orang-orang yang telah menerima bantuan tersebut dari Biro-biro ini.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di Pertua, pada masa ini terdapat dua buah Biro Bantuan Guaman (Legal Aid Bureau) di Malaysia Barat—satu di Kuala Lumpur dan satu lagi di Alor Star. Dalam sedikit masa lagi sebuah lagi akan dibuka di Kuala Trengganu. Pejabat di Kuala Lumpur memberi perkhidmatan kepada orang-orang yang dibantu di Selangor dan juga menjadi Ibu Pejabat bagi Perkhidmatan Bantuan Guaman Malaysia. Pejabat di Alor Star sekarang ini memberi bantuan guaman kepada orang-orang miskin di Kedah dan negeri Perlis. Apabila pejabat di Kuala Trengganu menjalankan tugas-tugasnya nanti, orang-orang yang tinggal di Trengganu dan Kelantan pula akan mendapat bantuan.

Oleh kerana Biro Bantuan Guaman di Alor Star itu mula menjalankan tugas-tugasnya hanya dalam bulan Ogos tahun ini, tidaklah dapat dinyatakan kepada Ahli Yang Berhormat, bilangan orang-orang yang menerima bantuan.

Walaupun bagaimanapun Biro Bantuan Guaman di Kuala Lumpur, sejak ditubuhkan dalam bulan September, 1970 hingga sekarang telah memberi bantuan dan nasihat guaman kepada 872 orang, yang mana 135 terdiri daripada orang-orang yang dibantu sepenuhnya, 73 menerima bantuan dan nasihat guaman cara separuh dan 564 orang diberi nasihat guaman percuma.

Jumlah bilangan orang-orang yang menerima bantuan dalam tempoh enam bulan yang pertama sejak wujudnya Biro ini ialah 113; 217 dalam tempoh enam bulan yang kedua; dan 241 dalam tempoh enam bulan yang ketiga. Dalam tempoh enam bulan yang lalu, iaitu kurang lapan hari baharu cukup bilangannya ialah 301 orang.

Bilangan ini tidak termasuk nasihat-nasihat yang diberi dengan secara bersurat.

Tuan Amaluddin bin Darus: Bilakah agaknya Pejabat Biro Guaman akan dibuka di Pantai Timur dan tidak bolehkah pejabat itu dibuka di Kelantan, kerana rakyat Kelantan hampir 800,000 orang dan faedahnya terlalu banyak didapati oleh rakyat yang jumlahnya banyak daripada ditempatkan di Trengganu.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Soalan yang pertama, kelengahan itu bukanlah sebab lain, sepatutnya kedua-duanya ini dibuka di Alor Star dalam tahun ini juga dan di Pantai Timur untuk dua Negeri—Kelantan dan Trengganu dibuka pada tahun ini, tetapi dengan sebab kekurangan kakitangan yang baharu dipilih empat orang, tiba-tiba apakala dapat menerima jawatan, mengatakan mereka ditugaskan bekerja di Trengganu, tiga tidak mahu pergi, seorang sahaja yang hendak pergi. Pejabat sudah sedia di sana dan akan cuba seberapa daya upaya menjalankan—memilih pegawai yang baharu lagi bagi kakitangan rendah, (bukan Pegawai Undangan) dengan melalui Suruhanjaya Pilihanraya, bukan boleh dengan sertamerta dan diharap dapat ditubuhkan. Niat saya sebelum puasa, tetapi tidak sempat, rasanya selepas Hari Raya dan sebelum akhir tahun.

Atas soalan yang kedua, perkara itu, Tuan Yang di Pertua, saya sudah timbangkan dengan sehalus-halusnya. Betul kita adakan satu Biro untuk dua buah Negeri iaitu Kelantan dan Trengganu. Pada masa yang lampau, saya telah memandangi boleh dikatakan, kalaulah ada perkara-perkara yang memberi faedah bagi dua buah Negeri itu, selalunya Kementerian memusatkan perkara itu, satu mengadakannya di Kota Bharu. Tidak ada nampaknya di Trengganu. Kali ini, biarlah diberi peluang pusat pejabat itu di Trengganu, tetapi di Kota Bharu, saya akan adakan pejabatnya

dengan ada pegawainya sekali, tetapi Ketua Pegawai—Ibu Pejabatnya ialah di Trengganu, itulah sebab yang sebenarnya, tetapi pejabatnya ada di Trengganu untuk melayani dengan secukupnya bagi rakyat-rakyat yang meminta bantuan guaman di Kota Bharu.

Tuan Kamarul Ariffin bin Haji Mohd. Yasin: Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Adakah di dalam rancangan Kerajaan untuk meluaskan jenis-jenis bantuan yang diberi oleh Biro Bantuan Guaman ini seperti yang terkandung di dalam Jadual?

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Memang ada, Tuan Yang di Pertua, dan kalau saya tidak salah ingatan, dalam bulan yang lepas sahaja telah diperluaskan dua lagi iaitu termasuk segala bantuan berkenaan dengan Undang-undang Menyewa Padi (Landlord dan Tenant) dan kalau tidak, saya hendak masukkan lagi berkenaan dengan kemalangan jalanraya pada masa akan datang. Sesudah memperluaskan bidang bantuan itu dalam lapangan-lapangan lain, akan dibuat memandang kepada keadaan khasnya bilangan pegawai-pegawai yang sedia ada untuk membantunya. Dan ketiganya, bantuan daripada Guaman—lawyer-lawyer yang mahu membuat kerja sukarela masuk campur menolong bantuan itu. Sebab, kalau saya perluaskan dengan serta-merta semua bantuan pada masa ini, boleh jadi tidak adil, kerana pejabat yang ada sekarang cuma di Kuala Lumpur, di Kedah dan Perlis dan kelak di Kelantan dan Trengganu dan apa pula kata orang di Johor, Melaka, Negri Sembilan, Pulau Pinang dan Perak. Dengan sebab itulah apakala siap semuanya akan diperluaskan bidang bantuan sebagaimana yang dikehendaki oleh Ahli Yang Berhormat itu.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PIAWAIAN (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Menteri Perusahaan Utama (Tuan Haji Abdul Taib bin Mahmud): Tuan Yang di Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang Akta Piawaian (Pindaan) tahun 1972 dibaca bagi kali yang kedua.

Tujuan Rang Undang-undang ini ialah untuk membuat pindaan yang perlu kepada Seksyen 2, 6, 7, 8, 9 dan 12 dalam Undang-undang Standards Act, 1966 yang ada sekarang. Pusat Piawai Malaysia (Standards Institution of Malaysia) atau ringkasnya SIM telah dipindahkan daripada tanggungjawab Kementerian Perdagangan dan Perusahaan kepada tanggungjawab Kementerian Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan mulai daripada bulan Februari tahun 1972. Dengan yang demikian, perkataan "commerce and industry" yang terdapat dalam takrif "Minister" dalam Undang-undang Standards Act, 1966 itu tidaklah sesuai lagi dan perlu dipinda.

Seksyen 6 dalam undang-undang itu juga perlu dipinda supaya antara lain-lain wakil-wakil daripada beberapa Kementerian Kerajaan menjadi ahli Majlis SIM itu tidak payah lagi dilantik tiap-tiap seorang oleh Menteri masing-masing iaitu suatu procedure yang sangat berat. Tetapi sebaliknya, mereka itu akan dilantik oleh Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan.

Pindaan kepada Seksyen 7, 8, 9 dan 12 dalam Rang Undang-undang Standards Act, 1966 itu ada dibuat dengan tujuan memperbaiki dan mengemaskan peruntukan-peruntukan tersebut.

Itulah sahaja penjelasannya, Tuan Yang di Pertua, dan saya cadangkan sekali lagi supaya Rang Undang-undang ini dibaca kali yang kedua.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 7 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PUSAT PENYELIDIKAN GETAH MALAYA (PERLUASAN DAN PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Tuan Haji Abdul Taib bin Mahmud: Tuan Yang di Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang Pusat Penyelidikan Getah Malaysia (Perluasan dan Pindaan) 1972 dibacakan kali yang kedua.

Rang Undang-undang ini dan 4 lagi undang-undang yang berikut sungguhpun berasingan mempunyai kaitan yang sangat rapat dan kalau tujuan kerajaan hendak memperbaiki keadaan perusahaan getah hendak difahamkan dengan betul-betul maksudnya semua Undang-undang ini hendaklah dipandangkan sebagai langkah di bawah satu strategi yang sama. Di samping itu ada juga langkah-langkah yang kerajaan sedang ambilkan dan akan menjalankan sebagai sebahagian daripada strategi ini juga tetapi tidak berkehendak kepada sokongan undang-undang.

Oleh sebab saya fikir bahawa banyak daripada Ahli-ahli Yang Berhormat telah pun mendapat penerangan serba sedikit kenyataan daripada Yang Berhormat rakan saya Menteri Kewangan apakala beliau berucap kepada Dewan Rakyat pada 8hb Ogos yang lepas, maka saya di sini hanya ingin memberi rangka kasar yang akan menggambarkan strategi kumpulan Rang Undang-undang yang dibentangkan dihadapan Dewan yang mulia ini.

- (1) Kita mengenal bahawa kedudukan pasaran bagi getah asli daripada Malaysia ini seperti juga getah asli dari tempat-tempat lain memanglah tidak begitu kuat kalau dibandingkan dengan kedudukan pasaran getah tiruan. Perkembangan-perkembangan di dalam bentuk syarikat-syarikat perdagangan terutama sekali syarikat-syarikat yang menjalankan "Commodity Trading" ataupun berjualbeli barang-barang mentah telah pun menunjukkan bahawa syarikat-syarikat itu telah dapat membesar-besarkan kekuasaannya dan dapat juga mempelbagaikan kegiatan-kegiatan-nya di dalam beberapa lapangan-lapangan selain daripada lapangan membeli dan menjual getah asli. Daripada kalangan mereka ini ada juga

yang telah pun melebarkan kegiatan mereka dengan menjalankan "Currency Hedging". Dikalangan pihak-pihak yang mengeluarkan getah tiruan, ada pula terdapat amalan-amalan yang menjamin pasaran untuk getah Tiruan ataupun dalam Bahasa Inggerisnya "Supplying a Captive Market to the Synthetic Rubber produce". Pihak yang menjalankan penjualan getah-getah tiruan telah boleh menggunakan kekuasaan syarikat-syarikat yang besar ataupun "The Full Advantage of Big Corporation Management" untuk memperkuatkan kegiatan pasaran getah tiruan mereka. Mereka telah boleh meletakkan harga yang tertentu, sunguhpun kerana ada persaingan daripada getah asli, "List Price" yang mereka letak itu terpaksa diubah daripada masa kemasa dengan "Discount-discount" yang di bawah meja kata orang dalam perdagangan. Dalam pendapat saya, kalau dibandingkan dengan sistem pemasaran getah tiruan, sistem pemasaran getah asli tidaklah sepenuh-penuhnya tertakluk kepada soal "Supply dan Demand". Kedudukan pehak pengeluar getah adalah di dalam sistem pemasaran getah asli ini tidaklah sekuat-sekuatnya seperti kedudukan pihak yang menjadi "Intermediary" di dalam pasaran itu.

- (2) Dalam menempuh keadaan yang menunjukkan persaingan hebat diantara getah tiruan dan getah asli dan kemungkinannya keadaan ekonomi negara-negara pengguna bertukar, kita mestilah juga merancang supaya pihak yang paling lemah di dalam perusahaan getah ini tidak akan melarat hidupnya di dalam pergolakan pemasaran getah yang sekali sekala akan menempuh kesusuran. Dari itu kita mestilah menumpukan perhatian yang lebih-lebih lagi kepada pekebun-pekebun kecil dengan tujuan untuk memperkuatkan kedudukan mereka daripada segi pengeluaran dan segi mutu pengeluaran mereka supaya, walau apapun turun naik harga getah, pendapatan-pendapatan daripada semua pihak pekebun-pekebun kecil ini akan dapat pada satu masa membolehkan mereka menerima hasil yang agak lumayan. Dari itu kita akan menumpu sepenuh-penuhnya tenaga kita kepada

cara-cara hendak memberi faedah pendapat-pendapat daripada "Research" ataupun menyelidiki kepada pihak-pihak pekebun-pekebun kecil. Daripada segi pasaran pun kita mestilah ada rancangan jangka panjang dengan mana kita dapat menolong pekebun-pekebun kecil supaya harga yang mereka terima adalah cukup berpatutan kalau dibandingkan dengan harga pasaran yang terdapat di Malaysia ini. Dalam bahasa Inggerisnya, Tuan Yang di Pertua, kita anggapkan pekebun-pekebun kecil ini sebagai the highest skill of the rubber industry dan patutlah ditutup dan dijaga dengan cukup baik.

Dalam konteks rangka yang kedua inilah, saya rasa tujuan Rang Undang-undang R.R.I. ini dapat difahami dengan jelas. Kita sangat puas hati bahawa sektor peladang kita telahpun dapat memperluaskan diri mereka, supaya dapat menjalankan amalan-amalan pertanian yang moden, processing yang lebih baik, dan pemasaran getah-getah mereka dengan secara teratur. Mereka pun telah dapat menerima pendapatan yang sewajarnya kalau dibandingkan dengan harga getah di pasaran dunia. Tetapi malangnya pihak pekebun-pekebun kecil belum lagi dapat menerima faedah-faedah daripada pendapatan research kita dengan sepenuh-penuhnya, dan pada masa ini sektor pekebun-pekebun kecil masih lagi menghadapi masalah hendak mendapat benih yang cukup baik dan menerima penyebaran amalan-amalan pertanian yang cukup moden, supaya menjagakan kebun-kebun mereka yang kecil itu untuk mendapatkan susu yang cukup banyak. Dipandangkan dari gambaran peringkat perusahaan getah keseluruhannya, kita telah dapat mencapai banyak kejayaan-kejayaan. R.R.I. sendiri telahpun dapat memberi sumbangan-sumbangan seperti berikut:

- (1) Memberi benih yang mengeluarkan hasil semakin tinggi dengan pengeluaran lebih daripada 2,000 paun satu ekar satu tahun sebagai benih yang paling akhir.
- (2) Cara-cara pembiakan benih secara moden dan juga cara-cara untuk mengatasi kerosakan daripada angin dan penyakit-penyakit.

- (3) Cara-cara menoreh dan penggunaan ubat penggalak susu untuk melipatgandakan penghasilan pokok-pokok.
- (4) Cara-cara penyediaan dan persembahan getah asli supaya setanding dengan getah-getah tiruan dengan mengeluarkan getah yang bermutu baik seperti S.M.R.
- (5) Memproses dan mengeluarkan getah asli Malaysia bagi tujuan-tujuan tertentu ataupun rubber with proper specification oleh pengguna-pengguna getah seperti getah S.P., Getah C.V. Getah tayar dan lain-lainnya.

Baru-baru ini kemajuan telahpun tercapai dalam memendekkan gestation period atau tempoh menanti pokok boleh ditoreh. Ini bererti bahawa di dalam rancangan tanam semula ataupun tanam baru kita yang menggunakan getah pada masa yang akan datang, perbelanjaan bolehlah dikurangkan bagi masa untuk menunggu pokok-pokok boleh ditorehkan. Sungguhpun kemajuan-kemajuan yang telah tercapai seperti saya nyatakan tadi telah meresap di kalangan sektor peladang ataupun di estet sektor, sektor-sektor pekebun kecil belum lagi dapat menikmati kemajuan-kemajuan yang tersebut dengan sepenuhnya. R.R.I. telahpun dalam beberapa tahun yang lepas menumpukan bertambah-tambah lagi perhatiannya kepada masalah meresapkan faedah-faedah penyelidikan ini di kalangan pekebun-pekebun kecil kita. Menerusi bahagian nasihat pekebun-pekebun kecil, R.R.I. telahpun berjaya menjalankan langkah-langkah yang berikut :

- (1) R.R.I. telah memulai memajukan Lembaga Kemajuan Getah Malaysia M.R.D.C. bagi cara membolehkan proses baharu menggunakan getah-getah daripada pekebun-pekebun kecil.
- (2) R.R.I. telah juga membuktikan dengan nyatanya faedah-faedah daripada tanaman kontan, mengsyorkan penggunaan baka-baka baik dan baja-baja yang sesuai dengan tanah yang didapati dari satu tempat ke satu tempat.
- (3) R.R.I. juga telah membuktikan cara-cara menggunakan penggalak susu yang boleh menguntungkan pekebun-pekebun kecil.

- (4) Untuk memperkuatkan lagi kedudukan pekebun-pekebun kecil R.R.I. juga telah menubuhkan beberapa pusat-pusat penyelidikan getah berkelompok.

Sekarang tibalah masanya bagi R.R.I. memperhebatkan lagi usahanya untuk membawa berlebih-lebih banyak lagi daripada pihak pekebun-pekebun kecil menikmati segala kemajuan-kemajuan yang dihasilkan daripada penyelidikannya. Nasihat-nasihat, ajaran-ajaran dan tunjukajar dan dakyah-dakyah mengenai faedah-faedah research yang baru hendaklah diluaskan supaya tersebar di merata-rata tempat di mana pekebun-pekebun kecil lagi menempuh kesusahan kerana amalan-amalan pertanian yang belum lagi baik. Sekarang dengan adanya penyusunan semula bahagian penanam semula rancangan getah, dengan tertubuhnya RISDA, maka satu langkah berbesar-besaran hendaklah dijalankan untuk memberi perkhidmatan sokongan kepada RISDA. Dengan tujuan demikian, maka R.R.I. telahpun mengambil keputusan hendak menubuhkan sebuah lagi bahagian di bawah R.R.I. yang dikenalkan dengan nama "Bahagian Projek" untuk mempercepatkan saluran segala hasil-hasil penyelidikan kepada pekebun-pekebun kecil, berasaskan kepada pengalaman-pengalaman yang R.R.I. sendiri akan dapati menerusi eksperimen-eksperimennya di dalam kawasan-kawasan percubaan ataupun "pilot plantation" yang akan ditubuhkan di beberapa negeri diseluruh Malaysia Barat ini.

Di samping memperhebatkan lagi usaha-usaha menyalurkan segala pendapat-pendapat daripada penyelidikan ke sektor pekebun-pekebun kecil, R.R.I. juga akan ditugaskan dengan tanggungjawab membesar-besarkan lagi peranannya di dalam lapangan penyelidikan kegunaan getah baru untuk menambahkan keperluan getah asli di pasaran dunia. Dengan rancangan penyelidikan kegunaan ini, kita juga bercita-cita hendak menggalakan penubuhan perusahaan-perusahaan di dalam Malaysia ini yang akan berasas kepada penggunaan getah asli sebagai bahan mentah. Langkah-langkah sudah pun dimulai berkenaan dengan perkara ini, dan di dalam beberapa bulan yang akan datang kita akan memperhebatkan lagi usaha kita untuk menarik syarikat-syarikat yang besar supaya dapat menubuhkan kilang tayar, misalnya, dan kilang-kilang

lain yang menggunakan getah asli sebagai bahan mentah dan yang akan memberi banyak faedah yang dikenalkan dengan nama "added value". Baru-baru ini kita telah mengambil langkah melatih pegawai-pegawai dari R.R.I. supaya mereka juga terlibat dengan lebih dalamnya di dalam proses menggunakan getah-getah asli untuk membuat berbagai barang-barang buatan ataupun "manufactured goods". Ada di antara mereka itu telah dikirimkan belajar bekerja di dalam sebuah kilang yang membuat tayar. Setakat ini kita sudah berjaya melatih 12 orang teknologist untuk menjadi pasukan nucleus melancarkan pergerakan kita menggalakan penubuhan industries yang berasas kepada getah.

Hari ini cuma 20,000 tan daripada sejumlah 1.3 juta tan getah keluaran Malaysia digunakan oleh perusahaan tempatan. Dalam hubungan ini dan se-cocok pula dengan dasar kerajaan memperluaskan peluang bekerja dan memperbanyakkan lagi ekseptor barang-barang buatan dalam negeri, segala usaha hendaklah ditumpukan untuk memajukan kilang barang-barang getah tempatan. Tindakan ini akan memberi kesan memperhebatkan perkembangan perindustrian dalam negeri ini.

Faktor-faktor yang boleh menggalakkan perusahaan buatan yang menggunakan getah adalah banyak, seperti adanya getah bermutu tinggi, upah buruh yang rendah, ekonomi yang stabil dan adanya pakar-pakar sains dan teknologi di dalam bidang getah. Bagi mengambil kesempatan yang lebih luas terhadap faedah-faedah ini, kita mestilah mempergunakan usaha-usaha dan pakar-pakar dari N.R.P.R.A. dan memperluaskan kegiatan-kegiatan dalam bidang teknologi di R.R.I. Perkara-perkara yang berikut perlulah dibuat:

- (1) Instituti penyelidikan getah Malaysia akan menjalankan penyelidikan dan perkembangan di pusat ini bagi pengeluaran dan penggunaan.
- (2) M.N.R.P.R.A. iaitu sebuah badan research kita di London akan hanya menjalankan tugas cawangan penyelidikan dalam penggunaan terutamanya bagi faedah memberi perkhidmatan kepada pengguna-pengguna getah di Eropah dan di Amerika.

(3) Pakar-pakar teknologi M.N.R.P.R.A., dan yunit perkhidmatan nasihat teknik akan diperluaskan bagi membantu perusahaan getah di Malaysia.

(4) R.R.I. sedang mengkaji usaha-usaha menyatukan kemudahan-kemudahan kilang-kilang memproses di Malaysia, seperti M.R.D.C. dengan kegiatan-kegiatan dirancangan-rancangan tanah. Langkah ini bukan sahaja memberi faedah terhadap pengembangan perusahaan dan menempatkan perusahaan-perusahaan diluar bandar, tetapi juga ia sepatutnya memberi faedah teknologi dan ekonomi.

Rang Undang-undang ini apabila diluluskan kelak akan berjalan kuatkuasa seluruh Malaysia dan bukan di Malaysia Barat sahaja.

Tuan Yang di Pertua, dari apa yang telah saya katakan nampaklah bahawa peranan R.R.I. akan bertambah berat lagi. Walau bagaimanapun saya yakin, berdasarkan kepada kejayaan yang lepas, terutama sekali dalam setahun dua baru-baru ini, pusat ini bukan sahaja akan dapat menempuh segala cabaran-cabaran, tetapi juga akan mencapai kejayaan sejajar dengan sejarahnya yang lepas.

Tuan Yang di Pertua, saya mohon membentangkan Akta Pusat Penyelidikan Getah Tanah Melayu (Perluasan dan Pemindahan), 1972 dibacakan kali yang keduanya.

Tan Sri Mohamed Noor Tahir: Tuan Yang di Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Amaluddin bin Darus: Tuan Yang di Pertua, pada hari ini kita akan membahaskan hanya undang-undang mengenai dengan getah dan kalau ada orang yang tak tahan harus demam dengan perbahasan getah ini. Dalam mengemukakan Rang Undang-undang ini Yang Berhormat Menteri kita telah menyebutkan seolah-olah perbahasan ini untuk beberapa bil seterusnya, walaupun kita akan bahaskan mengikut satu demi satu. Tetapi cara beliau menyampaikan itu, saya nampak boleh terbuka bahasanya menyeluruh, keseluruhan dunia ini.

Tuan Yang di Pertua, saya rasa tidaklah patut saya ikuti perbahasan kesemuanya melainkan atas bil ini sahaja.

Tuan Yang di Pertua: Di atas Bil ini sahaja!

Tuan Amaluddin bin Darus: Dalam Bil ini, Tuan Yang di Pertua, Rang Undang-undang ini mempunyai hanya tiga objek.

Pertama, memperluaskan pemakaian Akta ini ke seluruh Malaysia dan saya menyokong dengan sekuat-kuatnya sebab sudah sepatutnya lama sekali dibuat sesudah ujudnya Malaysia bahawa undang-undang ini merupakan untuk Malaysia seluruhnya.

Kedua, membentuk semula Lembaga Pusat itu. Hal ini sudah menasabah bila namanya sudah di Malaysiakan, mestilah Lembaga itu dibentuk semula dan pembentukan semula Lembaga Pusat ini yang sangat perlu dikaji dengan semangat Malaysia yang sebenar-benarnya.

Saya rasa, saya tak silap, dan barangkali saya juga tidak lupa bahawa pernah seorang Ingeris bekas Pegawai Poiis (expatriate officer) yang diberi kad pengenalan merah boleh duduk terus di Malaysia dan tidak mempunyai pengalaman mengenai getah dan diberi tempat sebagai anggota Lembaga Hal Ehwal Getah. Jadi perkara yang semacam ini bukan saja tidak patut dibuat, tetapi sudah pun dibuat dan patut tidak akan berlaku lagi. Kita mahu setiap lembaga itu harus dipenuhi, dianggotai oleh putra-putra Malaysia sendiri yang kita percaya sudah beratus tahun berpengalaman dalam hal ehwal getah ini. Maka dalam membentuk sebuah Lembaga baharu atas nama Malaysia sepatutnyalah dilantik daripada mereka yang menjadi warganegara Malaysia yang mempunyai kebolehan di dalam bahasa yang berkenaan.

Yang ketiga, objek daripada Rang Undang-undang ini untuk mengubah nama pusat menjadi Rubber Research Institute of Malaysia. Saya keberatan hendak menyokong perubahan ini, Tuan Yang di Pertua, oleh sebab saya rasa—ini fahaman saya sendiri—dia gosan sedikit, pada hal kita sudah maju ke hadapan. Pada pandangan saya, Tuan Yang di Pertua, ini satu kesempatan yang baik bagi pihak Kerajaan untuk menukar seperti sekarang ini memang ditukar, daripada perkataan Rubber Research Institute of Malaya digantikan kepada Rubber Research Institute of Malaysia.

Rang Undang-undang ini bertujuan menukarnya, apa salahnya kalau Kerajaan bermurah hati menukar terus kepada Institusi Penyelidikan Getah Malaysia, walaupun Akta Ibu masih dalam bahasa Ingeris, dan pindaan harus dibuat begitu, tetapi namanya sudah boleh diubah dan dunia akan kenal IPGM (Institusi Penyelidikan Getah Malaysia) seperti mereka mengenal RRI.

Tuan Yang di Pertua, atas dasar semangat Bahasa Kebangsaan itu, saya menyokong Rang Undang-undang ini, tetapi dengan pernah keberatan.

Datuk Nik Hassan bin Haji Nik Yahya: Tuan Yang di Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang Pusat Penyelidikan Getah ini dan dalam menyokong Rang Undang-undang ini setelah saya mendengar ucapan yang panjang lebar daripada Menteri yang berkenaan dan setelah kita mengikuti perkembangan yang berlaku dalam Pusat Penyelidikan Getah ini, saya suka memberi tahniah kepada Pusat Penyelidikan Getah Malaysia, ataupun yang dahulunya dipanggil dengan nama Pusat Penyelidikan Getah Malaya, kerana usahanya di dalam memajukan perusahaan getah ini. Sungguhpun badan ini telah ditubuhkan semenjak hampir 50 tahun yang lalu, iaitu semenjak saya sendiri belum lahir ke dunia lagi, tetapi saya rasa, kemajuan yang telah dibuat oleh Pusat Penyelidikan Getah ini daripada satu masa ke satu masa ada berbeza. Saya percaya dan tidak ada siapa yang boleh menafikan bahawa Pusat Penyelidikan Getah ini telah dibuat, atau ditubuhkan pada masa dahulu semata-mata untuk kepentingan perusahaan getah kaum-kaum modal yang datang daripada luar negeri di bawah kuasa penjajah untuk menanam getah, mengeluarkan hasil getah dengan menubuhkan badan yang terletak di bawah kelolaan Kerajaan bagi kepentingan perdagangan mereka. Dan saya rasa, kerana itulah badan ini sangatlah lambat untuk dijadikan satu badan yang berupa betul-betul badan untuk faedah rakyat di seluruh negara kita ini.

Badan ini ditubuhkan pada mulanya untuk kepentingan pekebun-pekebun besar iaitu modal asing yang datang daripada luar negeri. Tetapi apabila kemajuan penanaman getah ini telah bertukar, pekebun-pekebun kecil telah bertambah bilangannya,

maka badan ini mulailah berkhidmat untuk pekebun-pekebun kecil.

Saya suka memberi tahniah kepada segala usaha yang telah dijalankan oleh badan ini yang mana pada masa ini bukan sahaja pekebun besar yang mendapat faedah dari penyelidikan itu, tetapi juga pekebun-pekebun kecil yang ada diseluruh negara kita ini. Kalaulah tidak dengan sebab penyelidikan yang dibuat oleh badan ini, maka saya percaya pekebun-pekebun kecil kita masih menggunakan baka-baka cara lama yang tidak dapat mengeluarkan hasil yang baik bagi faedah dan kehidupan mereka. Jadi, dengan kerana penyelidikan yang baik yang telah dibuat oleh Badan inilah, maka rakyat negara kita ini telah mendapatkan hasil yang baik daripada usahanya yang telah dijalankan itu. Dan kita tidak boleh menafikan lagi itu adalah jasa-jasa yang amat tinggi yang patut dihargai oleh negara kita ini.

Saya dengar ucapan Menteri itu menyatakan usaha yang akan ditambahkan oleh Badan ini supaya dapat RRI ini dapat banyak lagi usahanya penyelidikan yang sehingga dapat mengeluarkan formula-formula dan dapat barang-barang yang dibuat daripada getah asli ini supaya dapatlah pasaran getah ini bertambah dan supaya rakyat negara kita ini mendapat hasil yang baik.

Saya memberi tahniah kepada Kerajaan di atas usaha dan matlamat yang seumpama itu. Tetapi saya suka hendak mengingatkan kepada Menteri berkenaan dalam mengembangkan Pusat Penyelidikan Getah ini dalam usaha menambah segala tenaga, segala anggota, segala penyelidikan dan sebagainya. Saya rasa, patutlah Menteri berkenaan itu mengambil berat tentang latihan tentang tanggungjawab orang-orang yang dikatakan bumiputra di dalam Pusat Penyelidikan Getah ini. Sebab bagaimana kita lihat dalam Pusat Penyelidikan Getah hari ini kita dapati daripada semenjak hampir-hampir 50 tahun Pusat itu ditubuhkan masih belum dapat lagi bumiputra kita, orang Melayu kita menjadi Penolong Pengarah dalam Pusat Penyelidikan Getah ini. Jangan kata hendak jadi Pengarah, Penolong Pengarah pun belum dapat mengambil tempat Penolong Pengarah di dalam Pusat Penyelidikan Getah ini. Kalau kita hendak katakan

bumiputra kita, orang Melayu kita tidak ada kebolehan, saya rasa mustahil, sebab dalam bidang-bidang yang lain bumiputra kita boleh mengambil tanggungjawab sekiranya di beri peluang. Kalau kita hendak katakan orang Melayu kita dan bumiputra tidak ada kelayakan, berapa banyak bumiputra yang telah keluar daripada universiti kita, universiti-universiti di seluruh dunia yang berkelulusan tinggi dalam ilmu sains dan lain-lain. Kenapakah mereka itu tidak disalurkan, tidak ditawarkan, tidak diletakkan untuk mengambil tanggungjawab dalam institusi yang begini penting bagi rakyat negara kita ini.

Pusat Penyelidikan Getah ini bukan sahaja menyasiat bagaimana getah itu patut ditanam, bagaimana getah itu patut diperbaiki, tetapi Pusat ini juga patut mengetahui bagaimana cara pemikiran rakyat yang boleh disesuaikan dengan cara penyelidikan yang dijalankan oleh Pusat ini.

Saya tidak hendak mengikuti Dewan Rakyat yang telah banyak mengeluarkan perasaan tidak puas hati, tentang Pengarah dalam RRI ini. Tetapi saya suka memberi tahniah kepada Pengarahnya yang ada iaitu Dr Sekhar yang telah banyak membuat jasa, yang telah membuat penyelidikan yang telah banyak menunjukkan kehandalannya dalam membentuk benda-benda baharu dalam masaalah penyelidikan getah ini. Kita tidak boleh menafikan jasanya dalam hal masaalah penyelidikan getah ini, tetapi saya rasa beliau boleh melatih seorang bumiputra untuk menjadi Penolong Pengarah yang akan berkhidmat di bawahnya dengan bijak pandainya itu boleh melatih seorang bumiputra yang layak yang mempunyai kelulusan yang cukup untuk menjadikan Timbalan Pengarah. Kalau sekiranya Menteri boleh berunding dengan Pengarah ini mahu bumiputra duduk sebagai Timbalan Pengarah, saya rasa Dr Sekhar tidak akan menolak cadangan daripada Menteri ini. Kita telah melihat misalnya pekebun kecil dalam bahagian memajukan getah. Kita tengok Pengarahnya orang Melayu, Timbalan Pengarah pun bumiputra dan mereka ini menjalankan urusannya dengan begitu lancar dan licin sehingga dapat menunjukkan kemajuan yang tidak dapat kita nafikan pada masa ini. Kenapakah tidak dapat bahagian Pusat Penyelidikan Getah ini mengadakan

Penolong Pengarah sekurang-kurangnya untuk mengambil tempat pada masa hadapan dalam masaalah penyelidikan getah ini.

Kita tentu berasa malu sebagai sebuah negara kita yang begini maju dengan segala ilmu teknologi, ilmu sains dan sebagainya, tetapi dalam masa 50 tahun Badan ini ditubuhkan tidak dapat ada seorang bumiputra yang layak duduk di tempat yang seumpama itu.

Tuan Yang di Pertua, saya rasa hairan pada hari ini baharu kita dengar usaha kepada mengembangkan untuk mengadakan bahagian bagi menyelidik bagaimana getah boleh digunakan oleh kilang dalam negara kita pada hari ini. Saya rasa perkara ini patut lama dahulu kita buat. Hari ini masalah kejatuhan harga getah, bukan sahaja telah menjadi satu perkara mengenai perusahaan getah sahaja, tetapi telah menjalar menjadi satu masalah politik yang sangat besar di kalangan rakyat dalam negara kita ini. Rakyat telah diajar untuk mengeluarkan getah yang banyak, rakyat telah diajar untuk menggunakan benih-benih yang baik. Apabila mereka itu menanam getah dengan banyak mengeluarkan susu getah yang baik, maka mereka mendapat susu yang mereka dapat daripada getah itu tidak dapat dijual dengan harga yang baik. Saya rasa, ini patutlah diusahakan lama dahulu. Ini sudah boleh kita katakan sudah lewat sangat. Saya ingat dalam budget meeting beberapa tahun dahulu, saya ada menyuarakan tentang kilang tayar. Kita berikan pioneer industry, pioneer status untuk membuka kilang tayar, buat tayar dalam negeri kita. Pada masa itu kilang tayar itu menggunakan getah tiruan lebih banyak daripada getah asli. Apabila saya menyuarakan kenapakah getah asli tidak boleh dapat digunakan dengan lebih banyak daripada getah asli. Jawapan daripada Kerajaan kata ini ada sebab teknikal, apabila kita masukkan getah asli itu banyak sangat tayar itu tidak berapa baik. Tetapi daripada semenjak itu sampai hari ini saya dapat tahu—entah betul entah tidak—kalau tidak betul minta diperbetulkan—kilang tayar yang ada dalam negeri kita hari ini telah menggunakan getah asli lebih banyak daripada getah tiruan. Kalau dahulu mereka gunakan 80% getah tiruan, hari ini barangkali hampir-hampir 80% mereka gunakan getah asli.

Jadi apa yang saya tahu getah asli yang digunakan dalam kilang tayar hari ini lebih

banyak daripada getah tiruan. Jadi itu menunjukkan bahawa pengusaha-pengusaha yang ada dalam negara kita ini ialah mementingkan keuntungan mereka sahaja. Mereka tidak peduli hal rakyat dalam negara ini. Kalau mereka nampak getah ini sudah menjadi murah harganya, maka mereka boleh gunakan getah itu dengan banyaknya, kerana harganya murah, bukan kerana teknikal, bukan kerana sebab-sebab dalam perusahaan itu, sebabnya harga getah itu murah. Bila getah itu harga murah, mereka gunakan dengan banyak untuk mengeluarkan tayar-tayar daripada hasil getah asli.

Begitulah juga, saya rasa dengan perusahaan-perusahaan yang lain. Umpamanya hari ini kita melihat dalam negara kita ini perusahaan yang paling maju sekali ialah perusahaan pelastik. Kalau kita tengok di Pamiran Perdagangan yang ada di Kuala Lumpur yang sedang berlaku hari ini, pelastik adalah menjadi tempat tumpuan manusia, kerana mereka dapat beli barang pelastik dengan harga murah, mereka dapat gunakan pelastik dengan berbagai-bagai cara, kerana kita menggalakkan perusahaan pelastik dan menggalakkan kemasukan pelastik dengan banyaknya sehingga lupakan pelastik dengan getah itu hampir sama. Kalau sekiranya kita hendak gunakan getah bagi tempat pelastik itu. Kenapakah tidak dapat kita kajikan buat penyelidikan, atau mencari jalan bagaimana getah boleh mengambil tempat pelastik dan Kerajaan mengadakan sekatan-sekatan yang tertentu bagi bahan-bahan mentah untuk kemasukan daripada jenis barang pelastik umpamanya.

Saya pernah pada beberapa tahun yang lama dahulu melawat ke sebuah kilang tayar di Amerika yang membuat daripada synthetic rubber ini dia boleh buat barang itu macam besi kuatnya, maknanya getah tiruan ini boleh digantikan macam besi barangkali boleh tahan lebih daripada besi lagi. Ini cara penyelidikan yang dibuat oleh mereka dan barangkali susah kita hendak lawan dengan getah tiruan ini, kerana mereka dapat menandingi kita pada segi teknik, mutu dan berbagai-bagai perkara daripada harga dan lain-lain lagi. Kalau sekiranya kita hendak menandingi getah tiruan ini di pasaran dunia, saya rasa, sangatlah sukar dengan keadaan penyelidikan yang kita ada hari ini, melainkan bagaimana kata Menteri tadi usaha baharu sedang dibuat untuk memperbanyakkan bahan-bahan keluaran dari

negara kita ini daripada getah asli dan ini boleh kita buat kalau sudah lama dahulu usaha ini kita buat, saya rasa sekarang masalah harga getah tidak timbul dalam negara kita ini.

Saya rasa patut sangatlah bagi pihak Kementerian Perusahaan Utama ini membentuk sebuah Jawatankuasa yang terdiri daripada wakil-wakil Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, wakil-wakil daripada Jabatan Perdana Menteri umpamanya, mengkaji betul-betul apakah barang yang menjadi, apakah barang yang dibawa masuk ke negeri kita ini yang menjadi tandingan yang kuat kepada getah asli kita ini, apa juga barang. Barang seperti pelastik umpama barang seperti getah tiruan umpamanya. Apa juga barang yang dibawa masuk ke negara kita ini yang boleh merupakan hampir sama dengan getah asli kita, yang boleh menandingi dan merusakkan kedudukan penggunaan getah asli kita ini, maka patutlah sudah sampai masanya kita dengan seberapa keras menahan barang ini tidak dibenarkan masuk langsung ke negara kita ini, baharulah boleh kita gunakan getah asli dan kita boleh proseskan getah asli ini mengambil tempat barang yang seumpama ini.

Kalau selagi kita tidak mengawasi barang-barang mentah yang masuk dan diproseskan dalam negara kita ini dan dikeluarkan untuk pasaran dunia, maka masa itulah kita tidak dapat hendak menandingi dengan bahan-bahan barang yang seumpama itu daripada pengeluaran kita yang utama pada hari ini.

Kita patut ingat bahawa rakyat kita adalah bergantung di atas pasaran getah. Walaupun Kerajaan telah berusaha untuk memperbanyakkan, memperbaiki perusahaan pertanian, kita tanam kelapa sawit, kita tanam berbagai-bagai perkara lagi, tetapi getah masih menjadi bahan utama, pengeluaran utama, menjadi tempat pergantungan rakyat untuk mata pencarian mereka. Dan kalau kita maju jadikan, Kerajaan kita satu Kerajaan yang teguh, yang stabil, maka harga getah, pengeluaran getah mestilah menjadi perkara utama yang patut dikaji dan diawasi. Kalau tidak soalan pada rakyat pada hari ini, maka kenapa harga getah turun, harga gula naik. Kita hendak ceritakan dekat dia kenapa harga gula naik harga getah turun cukup susah. Kita beri tahu harga getah ini turun dengan kerana perlawanan pada

pasaran dunia. Rakyat kampung dia tidak tahu dunia itu apa. Kita kata naiknya harga gula ini kerana pasaran gula dunia naik, dia pun tidak tahu, dia kata tebu dekat rumah dia itu boleh buat gula, apa yang hendak digaduhkan tentang harga tebu dunia. Jadi soal yang dipersoalkan di kalangan rakyat dalam masalah getah, dalam masalah ini telah menjadi begitu hebat, telah menjadi begitu besar, telah menjadi begitu berkesan sekali dalam pemikiran rakyat, kerana ini adalah mata pencarian mereka.

Hari ini baharulah kita tengok dua tiga empat Bil di hadapan kita. Baharulah kita nampak satu langkah yang berani yang telah diambil oleh Kerajaan untuk membentuk satu kaedah yang baharu dalam memperbaiki kedudukan getah dalam Malaysia ini, dan hari inilah baharu saya melihat Menteri Kewangan kita, baharu berani berdiri untuk membuat perubahan, walaupun perubahan ini ditentang hebat oleh beberapa kawan ataupun lawan, tetapi beliau berani berdiri tegak, sanggup memperjudikan kedudukannya dalam Kerajaan pada masa ini dalam masalah getah. Kalau inilah yang dibuat oleh beliau dalam masa 5 tahun, dalam masa 10 tahun yang lalu, saya rasa masalah getah bagi problem negara kita dalam masalah ekonomi tidak berbangkit. Apa yang kita ada hari ini kita ada pakar ekonomi, Penasihat Ekonomi kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, kita ada Penasihat Ekonomi kepada Jabatan-jabatan yang mengaturkan rancangan-rancangan ekonomi kita. Mereka ini tidak terlintaskah waktu hendak merancang ekonomi 5 tahun yang pertama, 5 tahun yang kedua, tidak terlintaskah pada fikiran mereka getah ini boleh turun harga dan boleh dinaikkan harganya. Cuma dirancangan hendak buat jambatan begini, hendak buat jalan yang begitu besar, hendak buka bandar, hendak buka negeri, hendak buka kampung dan sebagainya, beratus-ratus juta ringgit hendak dibelanjakan. Hasilnya tidak menjadi, kerana getah kita keluarkan sekian, kerana bijih kita keluar sekian, hari ini baharu kita dengar kelamkabut angkanya itu sudah tidak betul, kerana getah turun, bijih pun kelamkabut dan berbagai-bagai lagi yang mengenai ekonomi negara kita telah menjadi satu masalah yang dipersoalkan.

Saya rasa, kita tidak boleh biarkan kepada ekonomis ini memikirkan keadaan negara

kita ini dari segi ekonomi. Sebab kadang-kadang ekonomis kita ini dia memikirkan di atas kertas dengan angka-angka yang ada di hadapannya. Dia tidak fikirkan macam mana cara orang kampung itu memikirkan. Dia tidak fikirkan apa yang akan berlaku 5 tahun, 10 tahun lagi kepada masalaah rakyat, kehidupan rakyat di kampung. Mereka ini duduk di dalam bilik dingin, mengatur angka yang telah diberikan dan kadang-kadang statistik yang diatitkan itu pun tidak betul, kerana penyiasatan dalam statistik ini pun kadang-kadang ada orang yang memberitahu yang betul, ada yang memberitahu yang tidak betul; ada setengah bila hendak mengambil angka tentang masalaah statistik dari ekonomis ini setengah-tengahnya tidak beritahu yang benar. Dia simpankan setengah, takut kena income tax, atau apakah, jadi dia simpan. Jadi statistik yang dibawa kepada Kerajaan itu saya rasa kalau 50% pun susah hendak dikatakan betul. Jadi ekonomis-ekonomis kita ini duduk dalam bilik, tunggu apa yang datang. Guna-kan segala computer yang ada. Manusia di kampung tidak ada computer, dia menggunakan akal fikirannya sendiri. Dia rasa hendak tanam, dia tanam; dia rasa tidak mahu tanam, dia tidak tanam; kita bawa keluaran baka yang baik, dia kata itu yang tidak baik, kita tanam padi dua kali setahun dia kata nanti susah dia hendak main layang-layang tidak boleh, tidak ada masa dia hendak bersuka ria. Ini satu masalaah manusia yang patut difikirkan juga oleh ekonomis ini. Kadang-kadang ekonomis ini dia tidak fikir tentang perkara itu. Dia fikir tentang angka berapa hasil masuk, berapa yang hendak dibelanjakan. Inilah cara-cara yang diatitkan. Apa yang akan berlaku 5 tahun, 10 tahun lagi, barangkali daripada apa yang diatur itu, dia sendiri pun tidak boleh hendak kata. Bila harga getah sudah turun, baharu dia kelamkabut. Ini angka kita sudah tidak betul, hendak diperbetulkan balik. Jadi maknanya jangka rancangan kita itu ada masalaah-masalaahnya yang patut kita halusi. Saya rasa, tidak boleh kita hentikan kepada ekonomis sahaja. Menteri-menteri kita kenalah fikir sama lebih daripada ekonomis berfikir. Kita tahu masalaah-masalaah yang dihadapi oleh rakyat dan supaya dapat ekonomis itu dipandu oleh Menteri itu. Jangan Menteri itu dipandu oleh ekonomis, oleh pakar itu tadi. Kita mahu kita memandukan mereka mengikut jalan yang kita mahu.

Begitu jugalah dengan undang-undang ini, saya rasa, kalau sekiranya Menteri kita dapat melihat, ada sebuah institusi yang seumpamanya; institusi ini patut menjalankan tugas-tugas yang tertentu. Mereka ini bijak-pandai, cuma kita sahaja mengarahkan supaya bijak-pandainya itu, boleh digunakan untuk kepentingan umum, bagaimana di waktu penjajahan dahulu mereka menggunakan segala Jabatan Kerajaan untuk kepentingan mereka, untuk kepentingan penjajahan mereka, untuk kepentingan modal mereka, maka hari ini kita terpaksa menggunakan segala institusi, segala perbadanan dan sebagainya untuk rakyat kita sendiri. Ini mestilah hendak diawasi. Kadang-kadang saya dapat tahu setengah-setengah orang kata, ini benarkah atau tidak, barangkali boleh diperbetulkan kalau tidak betul, benih-benih yang diberikan kepada pekebun-pekebun kecil itu kadang-kadang benihnya kurang baik, diberi kepada pekebun besar itu benih yang baik. Ini timbul di kalangan rakyat, yang mana masih ada lagi kesan-kesannya, kesan yang badan ini menguntungkan pekebun-pekebun besar; badan ini tidak menguntungkan pekebun kecil.

Jadi, kesan itu masih ada, tetapi sekarang barangkali semakin kuat Menteri menjalankan tugas, makin kurang benda yang timbul itu, tetapi saya haraplah supaya badan ini betul-betul menjadi badan yang memberi khidmat kepada rakyat, khasnya rakyat bumiputra seluruhnya dan saya minta supaya Menteri yang berkenaan dengan seberapa cepat memberi arahan supaya Penolong Pengarah dalam institusi ini diletakkan, dilatih atau diberi tempat kepada bumiputra yang mengetahui cara berfikir bumiputra yang ada di seluruh negara kita. Inilah sahaja pandangan dan cadangan saya kepada Yang Berhormat Menteri.

Datuk Foo See Moi: Tuan Yang di Pertua, saya juga menyokong Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di Pertua, di dalam persidangan Dewan Negara kali ini, kita telah melihat ada lima Rang Undang-undang mengenai dengan getah dan saya berasa berse- senang hatilah bahawa Kerajaan telah meng- ambil tindakan yang cepat dan مناسب untuk memperbaiki keadaan perusahaan getah yang sangat mustahak itu, dan juga pekebun kecil khasnya, dan saya juga suka mengambil peluang ini memberi tahniah saya

kepada R.R.I. Ke atas kejayaan usahanya, tetapi walau bagaimanapun kejayaan R.R.I. yang didapati dahulu, tidak dapat juga kita melawan dengan keturunan harga getah asli pada hari ini.

Tuan Yang di Pertua, sesungguhnya Rang Undang-undang ini akan membolehkan Kerajaan mengawal dengan lebih berkesan lagi tentang penanaman semula, pasaran dan sebagainya dan adalah satu rancangan jangka panjang, memang elok, tetapi pekebun-pekebun kecil tidak akan dapat, seterusnya pada saat ini apa-apa pertolongan tentang menghadapi harga getah yang sangat rendah pada ketika ini. Dan kedudukan dan keadaan pekebun-pekebun kecil tidak payahlah saya panjangkan lagi, oleh sebab saya telah bercakap dengan panjang lebar di dalam persidangan Dewan yang lepas. Jadi, di sini saya suka sahaja mencadangkan, kalau boleh Kerajaan menggantung kutipan cess, iaitu 4½ sen sepaun bagi sementara hingga harga getah telah naik lebih daripada, katakan 55 sen sepaun umpamanya, oleh sebab 4½ sen itu atau \$6.00 sepikul itu telah menjadi satu bilangan yang besar bagi pekebun-pekebun kecil dan akan menjadi satu pertolongan kepadanya bagi hari kemudian kelak. Itulah sahaja yang dapat saya mencadangkan. Tuan Yang di Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang ini.

Datuk J. E. S. Crawford: Tuan Yang di Pertua, saya bangun untuk menyokong sepenuhnya-penuhnya Rang Undang-undang Pusat Penyelidikan Getah Malaya (Perluasan dan Pindaan), 1966. Tuan Yang di Pertua, dengan izin saya minta kebenaran bercampur cakap dalam bahasa Inggeris dan seterusnya bercakap balik ke bahasa Malaysia kita.

Tuan Yang di Pertua: Saya minta Ahli Yang Berhormat itu cuba berucap dalam bahasa Malaysia seberapa yang boleh. Bagaimanapun, oleh kerana Akta berhubung dengan perusahaan getah ini, nampak saya ada lima dan nampaknya mustahak dan ramai Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak begitu fasih dalam bahasa Malaysia agaknya hendak bercakap, saya akan benarkan Ahli-Ahli Yang Berhormat itu menyulamkan ucapan mereka dengan bahasa Inggeris di mana-mana yang mustahak.

Datuk J. E. S. Crawford: Terima kasih. Mr President, Sir, I will only use very little English purely to pay a compliment and I

wish to do it properly and my Bahasa Malaysia is not quite strong enough.

Sir, I wish to pay, on behalf of the Rubber Industry and the Rubber Producers' Council, a great compliment to the Pusat Penyelidikan Getah Malaysia for their excellent work. Since 1925 they have been working "magic". They still continue to do so and have performed magnificently in this "magical research" and I understand, Sir, that they have up their sleeves some tricks—of a magical nature, of course, Sir—which they are going to produce by the year 1975, which will be their 50th birthday.

Tuan Yang di Pertua, saya memberi tahniah kepada Pengarah, Pegawai-pegawai dan kakitangan Instituti itu daripada semua orang yang mencari makanan dan kadangkadangkad untung daripada pokok getah asli dalam negeri kita. Itu sahaja, terima kasih.

Tuan Kamarul Ariffin bin Mohd. Yassin: Tuan Yang di Pertua, saya juga suka mengambil bahagian sedikit sahaja dalam perbahasan di bawah Rang Undang-undang ini.

Saya sedar ada empat lagi rang undang-undang berkenaan dengan getah yang kita akan bincangkan di sini. Pada pendapat saya, sepatutnya cuma ada tiga lagi, kerana yang satu lagi itu boleh dimasukkan di bawah Rang Undang-undang yang sama. Walau bagaimanapun, saya akan menyentuh hanya berkenaan dengan Rang Undang-undang yang memperluaskan dan meminda Akta Pusat Penyelidikan Getah Malaysia, 1966.

Tuan Yang di Pertua, Instituti Penyelidikan Getah ialah sebuah badan penyelidik, badan research dan setahu saya kegiatan mereka pada masa yang lampau adalah cemerlang. Mereka telah diakui oleh dunia dan telah menjalankan research atau penyelidikan yang original. Rasa saya, dunia luar telah pun menghargai pekerjaan-pekerjaan mereka. Mungkin kian lama ini, Tuan Yang di Pertua, research ataupun penyelidikan telah tertumpu kepada bagaimana hendak menambahkan mutu getah, bagaimana hendak membanyakkan lagi susu getah. Itu semuanya bagus dari segi industri—dari segi perusahaan getah. Dan penyelidikan mereka ini sebagai saya katakan tadi telah pun diakui oleh dunia dan kita juga mengakuinya tetapi saya harap pada masa akan datang penyelidikan patut juga ditumpukan kepada

perkara-perkara yang lain yang bersangkutan dengan getah. Apa yang saya maksudkan di sini getah-getah itu bukannya secara getah sahaja, tetapi apa juga yang berkaitan dengan getah, daripada biji getahnya, daripada pokok getahnya, daripada daun getahnya bukan getah asal itu sahaja.

Tadi Yang Berhormat Datuk Nik Hassan telah menyentuh berkenaan dengan pelastik. Pelastik kalau kita kajian adalah by-product daripada petroleum. Kalau getah ini, getah asli kita ini, tentulah kalau kita membuat penyelidikan yang lebih dalam mungkin kita dapat cari bahan-bahan yang lain yang mungkin boleh berguna. Saya rasa inilah tujuan instituit ini.

Tidak berapa minggu yang lepas saya ada melawat di Expo Pendidikan di Kuala Lumpur dan saya tertarik hati bagaimana kumpulan murid-murid sekolah telah mencuba menerangkan bagaimana biji getah itu boleh digunakan sebagai makanan haiwan. Saya tidak tahulah samada dimakan oleh haiwan, tetapi saya ingat masa musim Jepun dahulu kami juga ada makan biji getah itu dicampurkan dengan telur, sedap juga. Saya rasa, research dalam perkara itu patut juga dibuat.

Begitu juga research berkenaan dengan daun getah. Kita tahu banyak daun terbuang dan terbiar sahaja begitu, mungkin boleh kita gunakan sebagai baja. Begitu juga pohon-pohon getah atau batang-batang getah. Kian lama ini batang-batang getah ini kita bakar sahaja, kita buang sahaja buat kayu api, tetapi kalau kita tengok negara Jepun dia datang kemari membeli batang getah kita. Patutnya kitalah, negeri yang mengeluarkan getah yang begitu banyak, patut membuat research dan mengesyorkan kepada pengusaha-pengusaha—pemodal-pemodal apakah yang boleh kita gunakan daripada bahan-bahan yang ada itu. Saya harap pada masa yang akan datang tugas-tugas instituit ini dapat diluaskan untuk mengkaji dengan lebih dalam lagi apa yang boleh kita hasilkan daripada apa yang kita katakan getah, daripada pokoknya sampailah kepada bijinya bukan kepada susu sahaja.

Saya suka menyentuh satu perkara lagi, Tuan Yang di Pertua, iaitu dari segi pengetahuan yang telah perolehi hasil daripada penyelidikan yang kita buat ini. Sudah tentu

sebagai negara yang mengeluarkan getah pengetahuan yang kita dapat menerusi research yang kita buat ini tentulah sangat berguna. Ini mungkin berguna kepada industri keseluruhannya, kepada siapa-siapa juga yang mengeluarkan getah. Umpamanya negeri-negeri lain, tentu akan untung daripada research kita. Apa yang saya hendak memberi satu amaran ialah setakat manakah patut kita sebarkan pengetahuan yang kita dapat itu kepada negara luar?

Kalau kita kaji perkembangan pelastik umpamanya, pada masa dahulu, bila mula-mula pelastik ini diadakan, pengetahuan itu tidak disebarkan kepada umum, dia simpan dahulu sampai dia telah cukup mendapat untung baharulah disebarkan. Dari segi kita bagaimana pula, adakah kita, sungguhpun kita tahu, sungguhpun kita telah dapat pengetahuan itu adakah kita patut sebarkan dengan sewenang-wenang kepada pengeluar getah asing. Ini satu keputusan yang sangat susah hendak kita buat. Betul kita hendak bekerjasama dengan pengeluar-pengeluar getah, tetapi setakat mana? Rasa saya, kita sanggup bekerjasama asalkan jangan menjadi kerugian kepada kita kerana research yang kita buat itu dengan titik peluh kita, dengan duit ringgit kita, adakah patut kita keluarkan dengan sewenang-wenang supaya orang luar tahu dan dia pula boleh buat dengan mendapat untung lebih-lebih lagi. Ini saya rasa patut juga mendapat perhatian.

Seperkara lagi yang saya hendak sentuhkan, Tuan Yang di Pertua, ialah kalaulah perkembangan getah ini begitu maju akibat research yang telah kita adakan, kalau kita tidak juga jaga dari segi pasaran, mungkin kita susah. Saya rasa, apa yang telah terjadi sekarang bagitulah. Pihak Pusat Penyelidikan Getah telah menunjukkan cara hendak membanyakkan susu—tetapi kita tidak kawal pula dari segi pasarnya. Jadi inilah saya rasa apa Yang Berhormat Menteri telah menyatakan tadi bahawa ini ada kaitan dengan industri keseluruhannya. Kita terpaksa juga jaga dari segi penambahan mutu ini ada kaitan—jadi tidak boleh tidak, bila kita timbang atas perkara getah ini, perkara yang saya sebutkan tadi mestilah timbul, mestilah kita jaga dengan sebenar-benarnya.

Itulah sahaja pandangan saya terhadap Bil ini, cuma ada satu perkara kecil sahaja lagi yang saya hendak sentuhkan di bawah

Jadual, sungguhpun di bawah Jadual ini ada pindaan yang dibuat kepada Akta Pusat Penyelidikan Getah Malaya tahun 1966. Apa yang saya hendakan penjelasan sedikit ialah berkenaan dengan pindaan kepada Rubber Producers Council Malaya yang digantikan, kalau tidak salah saya dengan Rubber Producers Council Malaysia. Badan ini adalah satu badan yang berasingan didaftarkan di bawah Akta Pertubuhan. Adakah ini menjadi tujuan Kerajaan mengarahkan badan itu menukar namanya? Inilah satu penjelasan yang saya minta kepada Yang Berhormat Menteri.

Tuan Shaari bin Jusoh: Tuan Yang di Pertua, saya juga turut menyokong Rang Undang-undang yang dikemukakan oleh Menteri yang berkenaan, walaupun dalam perkara yang kita bincangkan ini ada lima Rang Undang-undang dan yang semuanya bersangkutan dengan getah. Dan saya agak perkara-perkara yang pada pendapat saya haruslah tak keluar daripada Rang Undang-undang apa yang saya akan kemukakan.

Tuan Yang di Pertua, di dalam mengemukakan telah menyatakan salah satu daripada rancangan Kerajaan untuk menubuhkan kilang-kilang berkelompok kepada pekebun-pekebun kecil dan ini telah dijalankan.

Tuan Yang di Pertua, kita sebagai Ahli-ahli Dewan Negara dan sebagai rakyat Malaysia tentulah kita tidak berfahaman atau berkedah-daerahan. Tetapi walau bagaimanapun sifat ataupun tabiat semula jadi anak tempatan tentulah kita tidak boleh hendak larikan langsung. Jadi bila saya tinjau perkara ini, saya dapati di Perlis, negeri saya ataupun tempat saya tinggal, banyak perkara-perkara yang berkurangan daripada negeri yang di tempat lain. Kalau di tempat lain saya juga biasa bercakap dengan rakan-rakan yang ada perkumpulan getah berkelompok. Kata mereka bukanlah getah yang berkelompok, yang dimaksudkan patut diadakan kilang ditubuhkan berkelompok kerana, Tuan Yang di Pertua, kita tahu harga getah sudah murah, tetapi walau bagaimanapun murah sekalipun, kita tahu ada pihak menjual getah dan pihak membeli getah iaitu peniaga dan penjual, pekebun-pekebun dan yang menjadi saudagar. Jadi harga yang sesudahnya murah, maka saya dapati dan kita sama-sama yakin harganya pun tidak sama. Misalnya getah yang baik

dengan getah yang tidak baik tentulah harganya tidak sama dan mutunya pun tidak sama. Tetapi kerap kali getah yang dikeluarkan oleh pak-pak tani daripada pekebun-pekebun kecil getah, harganya itu murah, menyebabkan getah mereka itu tidak begitu baik. Tetapi dengan adanya penubuhan kilang yang berkelompok, saya yakin pekebun-pekebun getah ini akan mendapat harga yang lebih baik sedikit ataupun kalau tidak 100% bolehlah hendak sama dengan harga-harga yang dijual di bandar-bandar atau dipasaran-parasan besar dalam Malaysia ini.

Tuan Yang di Pertua, boleh dikatakan pekebun-pekebun kecil di Perlis terdiri daripada 95% daripada bumiputra rakyat Perlis. Jadi sebagaimana kita tahu, Kerajaan kita hari ini dalam Rancangan Malaysia Yang Kedua untuk mengembangkan atau meninggikan taraf hidup rakyat, ini adalah satu daripada cara yang patut Kerajaan ataupun pihak Kementerian yang berkenaan mengambil langkah yang tegas dan saya suka ulangkan di atas perkara yang saya katakan tadi sebagai Perlis, tempat diasingkan. Setahu saya di Perlis ini tidak ada. Dengan sebab ini, saya berharap kepada Kementerian yang berkenaan tolonglah adakan di Perlis penubuhan kilang berkelompok ini.

Dan, Tuan Yang di Pertua, minta maaf, ini saya misalkan. Saya katakan negeri Perlis ini berlainan dari negeri yang lain, kalau tersilap, Tuan Yang di Pertua, tolonglah betulkan. Saya terima, tetapi saya contohkan. Katakanlah dalam serbaserbi, dalam pejabat, dan sebagainya, macam yang disebutkan oleh Timbalan Menteri Ehwal Dalam Negeri berkenaan dengan kenderaan (kereta) disebutkan Kedah dan Perlis sekali. Jadi seolah-olah dengan cara tidak langsung Kedah dan Perlis itu bercantum sekali. Kadang-kadang ada sebut Kedah-Perlis, yang Perlis tidak dapat habuan dalam tangan. Dan misalnya dalam Dewan Negara ini, ini bukan saya hendak buat apa-apa, tetapi saya contohkan. Sejak Dewan Negara ini ditubuhkan dan sejak kita merdeka, Dewan Negara ini ada, kalaulah hendak harap, ini sebagai contoh, bukan saya minta, sebagai satu misalan yang tepat. Kalaulah hendak harap salah seorang Ahli Dewan Negara ini dipilih ataupun dilantik oleh Seri Paduka Baginda Yang di Pertuan Agong, daripada tahun 1955

sampai hari ini, bagi pihak Perlis tidak pernah menikmati. Kalau hendak ada, tidak ada pun, yang dilantik oleh Dewan Negeri, itulah sahaja. Jadi perkara ini selalu dicakup bersama-sama ahli-ahli politik Perlis, baik UMNO, MCA atau MIC. Tetapi walau macammanapun ini sebagai contoh yang saya tunjukkan kepada Tuan Yang di Pertua, dan tuan-tuan Yang Berhormat sekalian.

Tuan Yang di Pertua, yang kedua kita dengar sebentar tadi Yang Berhormat Menteri telah menyatakan yang getah ini akan dibuat di Malaysia. Maka perkara ini yang saya sokong benar-benar, kerana kita sama-sama tahu tabiat manusia ini, sebagai contoh kita masa Jepun. Hari ini getah murah. Masa Jepun bukan getah murah, getah tidak laku. Dengan kerana getah tidak laku manusia jikalau tidak ada kerja, dia hendak cari kerja. Benda itu tidak boleh buat, dia cuba hendak buat. Manusia ini tabiat dia, sudah adatlah kalau benda itu mudah-mudah boleh, dibiarkannya. Kalau agak susah, dia usahakan juga. Ini tabiat manusia termasuklah saya sendiri pun. Ini kata tabiat manusia. Bila kita tidak boleh hendak pakai kasut daripada kasut jenis yang baik, kulit yang baik dibuat kasut getah. Di tempat saya itu dibuat kasut getah dan getah juga dibuat minyak dan hari ini kita celup minyak atau minyak gas, masa yang lepas dibuatkan tambah-tambah lagi zaman kita kata zaman kemajuan. Ini saya yakin dan percaya yang Kerajaan sebagaimana kata Menteri Yang Berhormat tadi boleh memproses getah ini selain daripada membuat tayar, buatlah apa yang kita fikir patut macam kasut dan sebagainya. Hari ini kalau kita kata takut tidak ada dan tidak ini, tidak mahu bersungguh-sungguh maka selama itulah kita ini payah dapat. Tidak ada benda yang kita hendak dapat, kita tahu daripada kita hendak merdeka dahulu pun ada orang menentang kita, ada orang mencaci kita. Barangkali apa yang kita hendak buat ini pun, saya yakin harus ada orang mencaci kita. Tetapi saya yakin kalau orang hari ini boleh naik ke bulan, agak saya bodoh sangatlah kita yang getah kita sendiri tanam, kita jual keluar negeri, kita beli benda yang kita jual. Jadi orang ambil untung sekerat jalan. Muat kapal pergi, muat kapal balik. Yang boleh bukan sedikit pekerja-pekerja yang boleh bekerja

di sini. Jadi benda itu, kalau manusia lain boleh buat, saya tidak fikir manusia kita tidak boleh buat sedangkan itu dibuat kajian. Yang kita tahu penyelidikan tentang getah. Bila dituduh orang, dia kata mana engkau tahu? Kalau Kerajaan pun, agak saya, dijadikan undang-undang selepas terjadi satu-satu kejadian. Berlakunya Peristiwa 13 Mei selepas itu dibuat Rukunegara dan sebagainya. Jadi kita buat macam itulah. Macam saya dengar ada diantara kawan-kawan yang mengatakan bahawa penyelidikan getah banyaknya yang yang dikeluarkan oleh Kerajaan untuk penyelidikan getah harus banyak daripada peruntukan yang dikeluarkan kepada MARA dan sebagainya. Tetapi hasil kepada orang kampung tidak banyak mana. Saya yakin dan saya berharaplah kepada pihak Kementerian yang berkenaan ambillah berat di atas perkara ini walaupun kita agak susah tetapi kita boleh buat. Dengan kita buat proses semua di Malaysia, kita untung banyak. Pekerja kita dapat banyak. Dengan banyak kerja, pengangguran kita kurang.

Tuan Yang di Pertua, bersangkutan dengan perkara itu juga, saya berpendapat oleh sebab tadi disebutkan oleh salah seorang daripada kawan saya berkenaan dengan cukai. Walaupun benda ini agak saya tidak termasuk dalam Rang Undang-undang ini.

Saya berpendapat cukai ini tidak patutlah kita kurangkan 100% ataupun kita gantungkan langsung. Tetapi kadar kita kurangkan sedikit. Itu patut sangatlah, kalau harga getah sudah turun, tidak patut tidak diturunkan cukai. Ini saya berpendapat tentulah tidak betul. Dan setahu saya, Tuan Yang di Pertua, sebagai seorang yang berjiran, tetapi janganlah, Tuan Yang di Pertua, tanya saya lebih daripada itu kerana benda ini saya dengar khabar-khabar angin. Walaupun khabar angin, benda itu tepat, betul. Macam getah di negeri Thai, negeri Thai ini, saya duduk dekat dengan negeri Thai. Perlis berjiran dengan negeri Thai yang mana di negeri Thai itu banyak perkara-perkara yang berlainan daripada kita di Malaysia. Satu perkara minyak. Saya dapati motokar yang memakai minyak petrol di Malaysia, motokar yang besar makan minyak kuat, lain daripada kita di sini. Bila saya bertanya kawan-kawan saya yang biasa pergi ke sana, mengapa tidak boleh pakai minyak walaupun motokar

yang besar yang menggunakan petrol kerana minyak di Malaysia murah? Jadi jawapannya, di negeri Siam, minyak petrol pun murah, berasnya pun murah dan getahnya itu mahal sedikit daripada kita di sini. Ada di antara kawan-kawan saya mengatakan ada penduduk-penduduk yang sanggup menjual getah di tempat yang agaknya kita katakan mahal. Maklumlah manusia ini, dia tentu hendak cari rezki yang lebih. Kerap kali manusia menyeludupkan beras daripada Siam ke negeri Perlis kerana beras di negeri Siam murah. Beras di Malaysia kita ini mahal. Tetapi walaupun benda itu salah, dia cuba hendak cari. Syukorlah kita kepada Tuhan kerana hari ini Kerajaan kita sudah cuba ambil langkah dengan menangkap siapa yang buat ditangkap. Tetapi walau bagaimanapun perkara ini macam mana kita hendak marah kerana dasar manusia ini dia hendak cari tempat di mana dia boleh untung banyak. Tempat mana dia boleh dapat rezki banyak. Dengan sebab di sana setahu saya berita-berita mengatakan cukainya tidak begitu mahal. Harga getah naik. Jadi orang yang berjiran, dia pergi jual di sana. Dengan sebab itu kita suka mengelakkan penyeludupan ini. Sesudahnya penyeludupan beras dan padi cuba hendak dihentikan, berlaku pula penyeludupan yang lain pula.

Sekian, terima kasih, Tuan Yang di Pertua.

Datuk Dr Cheah Toon Lok: Tuan Yang di Pertua, saya telah mendengar ucapan-ucapan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian tentang Pusat Penyelidikan Getah (R.R.I.) tetapi saya amat dukacita mendengar ucapan itu, sebab ucapan itu ada mengatakan turunnya harga getah pada hari ini adalah kesalahan Menteri-menteri kita. Bolehkah Menteri-menteri kita tahu bila masanya harga getah akan turun? Itupun kesalahan Menteri Kewangan sebab Menteri Kewangan memberi statistik di dalam Parlimen menunjukkan pembangunan dalam negara kita begitu banyak dan kita meluaskan jalan-jalanraya, jambatan-jambatan bagi mengelokkan negeri kita dan rumah-rumah kita semua. Itu bukan kesalahan daripada Menteri Kewangan atau Perdana Menteri atau Kabinet kita, itu untuk ekonomi dunia. Kita pun bukan boleh kontrolkan, boleh jagakan macam itu sahaja—tak boleh. Pada hari ini saya baharu balik daripada Eropah, England

daripada Welwyn Garden City Research Institute of Rubber. Saya hendak memuji saintis kita yang bekerja kuat untuk mendapatkan satu benda (product) yang semua orang boleh gunakan. Saya mengucapkan terima kasih kepada ketua institut kita di Kuala Lumpur dan juga kakitangan-kakitangan kita untuk kita dapat getah yang betul baik mutunya dalam dunia dan juga sebab seluruh dunia mengikut jalan kita dalam perusahaan getah.

Dahulu waktu saya muda-muda, saya ada mempunyai kebun getah dan bapa saya pun ada kebun getah. Jikalau kita dapat kebun getah dalam 300 paun seekar, kita berasa sangat suka hati, kerana dahulu getah boleh dapat \$2, \$3 seketi dan juga untuk saintis kita dan naik sampai 500 paun seekar dan sekarang naik 1,000 paun. Hari ini naik lagi 3,000 paun seekar dan untuk umurnya yang baharu boleh naik sampai 5,000 paun seekar—tak hairankah Tuan Yang di Pertua? Itu pun kita marahkan juga kepada saintis kita sebab kita dapat getah begitu banyak, Tuan Yang di Pertua, dan marah pula kepada mereka untuk mencari makan. Gaji berapa mereka boleh dapat saya hendak bertanya. Semasa di Welwyn Garden City saya telah bertemu dengan saintis-saintis dan bertanyakan ada dua cara. Satu, theoretical dan satu lagi practical. Di dalam sini ada theoretical dan Welwyn Garden City adalah sebuah pekan yang elok sekali dalam England. Kereta tak boleh masuk, cuma orang berjalan kaki sahaja dan serba-serbinya ada di dalam pekan yang kecil itu. Saya fikir, kita mesti mengikuti keadaan pekan yang semacam itu. Saya dengar mereka membuat macam-macam barang seperti Ahli Yang Berhormat sebutkan tadi, saya beritahu, fasal hendak tanam pokok getah dan membuat barang-barang daripada bahan getah. Saya tahu pada hari ini ada buat satu macam getah dan lebih baik daripada getah tiruan, tetapi dia belum keluar lagi kerana masih dirahsiakan lagi tetapi jangan marahkan kepada saintis kita. Jika sekiranya kita hendak menjalankan rancangan itu mestilah kita beri kewarganegaraan kepada sesiapa pun jikalau ada kepandaian hendak menjalankan tugas-tugas. Jangan kita kata hari ini masuk-masuk, hari itu masuk warganegara kita untuk mengambil tempat dalam perusahaan ini dalam negara kita.

Sebab itu, saya katakan di sini, saya mengucapkan terima kasih kepada saintis kita yang memberi kita peluang hari ini menjadi sebuah negara. Jikalau tak ada saintis di dalam Pusat Penyelidikan Getah atau di Welwyn Garden City di London, England, kita fikir hari ini kita tak boleh jadi satu negara, kita tak boleh dapat wang hendak mendirikan sebuah Dewan Negara di sini, satu tempat yang meriah, satu tempat ada hak istimewa kita hendak berucap kebebasan. Saya menyokong dengan sepenuhnya dan berharap sesiapa warganegara kita yang ada mempunyai kepandaian di dalam bidang penyelidikan getah mesti diambil masuk menjadi pengarah-pengarah atau apa-apa pun di dalam tempat penyelidikan getah dan saya berharaplah kepada Kerajaan yang ada tugas yang baik menjalankan sungguh-sungguh kewajipan mereka. Janganlah Ahli Yang Berhormat marahkan Menteri-menteri kita, Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, sebab ekonomi getah sudah turun bukan kesalahan dia, tetapi adalah kesalahan seluruh dunia. Jangan kita marahkan Tuhan. Hari ini dia beri kita hujan, besok diberi cahaya matahari

Tuan Yeap Kheng Yam: Tuan Yang di Pertua, saya bangun menyokong Akta Pusat Penyelidikan Getah Malaya yang dibawa oleh Timbalan Menteri kita baharu-baharu ini.

Mengenai Pusat Penyelidikan Getah Malaya ialah satu tempat yang menyelidik bagi meninggikan mutu getah sahaja dan satu tempat yang memperbaiki ekonomi negeri kita. Saya percaya, kalau pusat tersebut tidak berusaha dengan giatnya dalam penyelidikan getah ini dalam beberapa tahun yang lalu itu tak dapatlah kejayaan seperti pada masa sekarang ini.

Tuan Yang di Pertua, saya suka di sini mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Pengarah dan Timbalan Pengarah serta ahli-ahli dan kakitangan pusat itu kerana perusahaan-perusahaan mereka tercapai kejayaan besar dan saya harap Kerajaan teruskan percaya kepada pegawai-pegawai yang berkenaan setaraf membuat dasar yang baik.

Tuan Yang di Pertua, keturunan harga getah bukanlah salah R.R.I. itu. R.R.I. itu hanya menyelidikan mutu-mutu getah sahaja

yang tersebut saya. Itulah sahaja ucapan saya dan saya menyokong dengan sepenuhnya-penuhnya Rang Undang-undang ini.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di Pertua, saya bangun bersama-sama dengan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, menyokong Rang Undang-undang ini. Tetapi di samping itu, saya hendak memberikan beberapa perhatian yang agak berlainan daripada hujah yang diberi oleh pihak Kerajaan.

Yang pertama, saya menyokong bahawa sudah sepatutnyalah nama R.R.I.M. itu, iaitu perkataan "Malaya" itu diubah dengan Malaysia kerana bukan saja negara kita telah menjadi Malaysia, tetapi bolehlah dipakai kepada Sabah dan Sarawak. Dan ini lebih mendekati maksud kita.

Yang kedua, saya berpendapat lain sedikit daripada Ahli Yang Berhormat yang bercakap tadi, iaitu kita tak boleh marah kepada Menteri, sebab turunnya harga getah. Saya berpendapat lain. Saya hendak marah dia Tuan Yang di Pertua. Marah bukan hendak marah kerana harga itu

Tuan Yang di Pertua: Hendak marah kepada siapa? Menteri yang mana? Kepada semua Menteri?

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tidak, Menteri yang tertentu sahaja. Maknanya Menteri yang bertanggungjawab. Jangan pula Menteri-menteri lain terasa. Yang saya marah bagini. Bukan sebab dia tidak menahan harga itu turun. Sepatutnya trend ekonomi dunia ini dapat kita nampak. Jadi terkadang-kadang pasaran dunia itu dapat kita teka sedikit sebanyak, tetapi dia dalam kenyataan-kenyataan Kerajaan tidak pernah Menteri yang berkenaan itu menyatakan bahawa kita telah cuba ramalkan keadaan itu setakat yang boleh, tetapi kiranya kita tidak dapat juga hendak mencekup, artinya kejadian itu dibuat juga, dan mengelak daripada hal-hal mengenai getah, setakat itu sudah cukup, Tuan Yang di Pertua. Bukan kita minta Menteri itu mesti menjamin betul-betul, menahankan harga getah sebab bagaimana yang dikatakan oleh Datuk Cheah tadi kadang-kadang ekonomi dunia ini menentukan ekonomi sesebuah negara. Itu saya percaya, tetapi tidak pernah kita nampak Kerajaan membuat satu statement yang begitu.

Lagi satu, Tuan Yang di Pertua, saya berasa hairan mengenai harga getah ini turun naik itu adalah perkara biasa, tetapi saya perhatikan kalau dekat-dekat hendak pilihanraya, harga getah itu naik. Sudah tiga kali pilihanraya, saya mengikuti, 4-6 bulan lagi getah naik. Lepas pilihanraya, setahun kemudian, harga getah turun. Jadi tahun 1969 yang lalu itu harga getah itu, rakyat semua bising dan 4-5 bulan lagi hampir pilihanraya naik semula harga getah. Jadi takkanlah kebetulan kedudukan ekonomi dunia itu coincide, atau datang kebetulan dengan keadaan pilihanraya di Malaysia. Kalau hendak naik harga getah itu tunggu 5-6 bulan hampir pilihanraya di Malaysia, getah pun ter naik dengan sendiri. Ini banyak orang yang memandang dari segi ini dan percayalah, kalau ada pula pilihanraya dalam tahun 1976, maka 6 bulan sebelumnya, naik pula harga getah kita. Ini barangkali ada orang memikirkan Kerajaan kita atau Menteri yang berkenaan mengambil berat dalam masalah harga getah ini dekat-dekat pilihanraya sahaja. Saya tak tau lah sejauh mana kebenarannya, tetapi trend yang sebenarnya begitu. Saya harap kalau saya silap boleh Menteri terangkan.

Tuan Yang di Pertua, benarlah kita mengharap kepada RRI ini bagi mengeluarkan getah dan memperbaiki mutunya, tetapi ada satu perkara yang saya tidak pernah melihat di dalam pernyataan atau pun laporan iaitu getah-getah ini diperbaiki mutunya dan ditujukan kepada local consumption, maknanya penggunaan dari dalam. Yang ada ialah memperbaiki mutu getah kerana hendak eksport ke sebuah negara luar dan negara itu berkehendakkan jaminan mutu getah kita. Maka kita memperbaiki mutu semata-mata untuk eksport, sedang eksport ini memanglah kita dapat duit foreign exchange, tetapi bila terjadi keadaan turunnya harga, beginilah di Malaysia ini kita tak dapat hendak penggunaan. Ada lebih baik Institiut ini mengarahkan kerja-kerja lain Institiut ini mengarahkan usaha-usaha research mereka itu ke arah bagaimanakah hendak menggunakan getah ini di dalam negara kita di sini, disamping kita mengirinkan getah sebagai raw material. Misalnya, Tuan Yang di Pertua, kalaulah kita boleh buat getah-getah tiruan di sini, kita eksport barang-barang yang separuh siap, kita hantar keluar itu lebih baik, walau pun murah. Jadi kita mengadakan fektori-fektori dengan pertolongan institiut ini, dapat kita

mengekspot keluar atau pun kalau mereka itu tidak beli, kita menggunakannya di sini.

Tuan Yang di Pertua, mengikut laporan-laporan yang saya baca, laporan yang terakhir, mungkin yang terakhir ini pun dekat-dekat hendak lapuk kerana sudah dua-tiga tahun, iaitu getah kita di Malaysia antara 700,000 tan hingga 900,000 tan selalunya tersimpan dan kita eksport keluar barang-barang itu. Dalam suratkhabar Menteri yang berkenaan menyatakan, kita hendak cuba menggunakan getah kita ini untuk membaiki jalanraya atau membuat jalanraya iaitu rubberising roads ataupun katanya antara beberapa ribu tan yang kita gunakan di dalam negara kita ini. Sedangkan jalan-jalanraya yang menggunakan bahan getah itu boleh digunakan sampai 5 tahun dengan tak payah diperbaiki. Jadi ertinya dalam masa 5 tahun itu tidak dapat kita menggunakan getah-getah itu dalam negeri kita.

Nampaknya, Tuan Yang di Pertua, kita mengeluarkan getah, semata-mata, dan tidak pernah memikirkan untuk mengeluarkan barang-barang yang diperbuat daripada getah. Walaupun negeri kita ini agrarian, tetapi kita sekarang ini menghad kepada keadaan industrialisation iaitu kecergasan perusahaan. Kalaulah Institiut yang merupakan saintifik bagini hanya mempertingkatkan mutu dengan maksud untuk eksport keluar dengan tidak mencari jalan untuk menggunakan dalam negeri, saya rasa, sekali negara-negara besar macam Amerika telah menjual stockpilenya, habis getah kita, turun harganya. Dan ini, Tuan Yang di Pertua, satu kemungkinan yang saya hendak sebut dalam akhir ucapan saya ini iaitu salah satu daripada sebabnya getah kita turun harga ialah barangkali duit Amerika pun turun juga, tetapi tidak banyak melibatkan kita, dan mengikut Menteri kita pun turunnya mata wang Amerika itu tidak menyentuh ekonomi kita, tetapi negara-negara besar terutama Amerika sendiri yang telah menjual getah dari stockpilenya itu dan dengan demikian harga getah turun. Apabila harga getah turun, getah di Malaysia kita pun turun dan dengan serta merta pula misalnya secara mengejut dan membeli semula untuk mengisi stockpilenya itu. Jadi tiap-tiap kali dia menjual dia dapat membeli getah yang paling murah daripada sepatutnya dibeli. Ini barangkali Senator Datuk Crawford kita tentulah sedar atas perkara ini. Dengan mengejut dia mengatakan, barang ini aku tak mahu beli,

aku jual kesemua stockpile ini. Bila turun getah kita 60 sen dia beli balik. Jadi ini takkanlah Menteri kita itu tak nampak. Kalau begitu kita tak katalah Menteri kita lalai, tetapi kita dalam Dewan ini pun lalai juga kalau kita tak menegur Menteri kita, bukan saja dia yang salah kita pun mungkin salah juga. Jadi inilah trendnya, Tuan Yang di Pertua, yang dapat saya menyampaikan. Terima kasih.

Tuan Haji Mohd. Saaid bin Haji Abu Bakar: Tuan Yang di Pertua, saya menyokong usul yang di hadapan kita ini.

Saya berpendapat berlainan sama sekali dengan buah fikiran yang telah diberi oleh Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar Hamzah tadi. Dia mengatakan bila pilihanraya sudah dekat, getah naik. Saya suka memberi contoh padanya, pada tahun 1933 barangkali dia kecil lagi, harga getah sangat turun dan untuk membantu rakyat, Kerajaan pada masa itu telah mengeluarkan kopon. Dan lagi berapa banyak kakitangan-kakitangan Kerajaan telahpun diberhentikan pada masa itu. Dan pada masa tahun 1950 tidak ada pilihanraya, harga getah naik sampai \$2.00 sekati. Jadi berlainan sama sekali fikiran yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat tadi dengan pendapat saya. Pasaran getah ini yang sebenarnya mengikut kemahuan negara-negara. Jika getah kurang, harganya naik, tetapi sekarang kita ada berlumba-berlumba iaitu berkenaan getah tiruan tadi, tetapi sayang, Tuan Yang di Pertua, berapa banyak pekebun-pekebun kecil yang tidak mahu lagi menanam getah semula. Apakah sebabnya? Jadi yang setengahnya, telah menanam semula tetapi tidak jadi. Pada fikiran saya, Tuan Yang di Pertua, adalah pekebun-pekebun kecil ini sekiranya kita berkehendakkan getah yang banyak, yang baik dan berkehendakkan mereka ini mengambil berat supaya menanam semula hendaklah diberi peluang kepada mereka itu, kerana mereka tidak dapat hasil dikutip daripada tanah pekebun-pekebun kecil itu, tidak usah dikutip hasil tanahnya, bahkan bagi sementara waktu sehinggakan mendapat khazanah-khazanah daripada pekebun kecil itu dimansuhkan bagi sementara sehingga dapat khazanah-khazanah daripada tanah pekebun-pekebun kecil itu.

Tuan Haji Abdul Taib bin Mahmud: Tuan Yang di Pertua, terlebih dahulu saya ingin

mengucapkan ribuan terima kasih atas pandangan-pandangan yang telah diberi oleh Ahli-ahli Yang Berhormat pada mereka yang memberi tahniah kepada RRI.

Saya membalas dengan ucapan terima kasih kepada mereka yang menyokong juga terima kasih dan kepada mereka yang memberi pandangan-pandangan lain pun saya suka memberi ucapan terima kasih, Tuan Yang di Pertua.

Biarlah saya bercakap atas soal turun-naiknya harga getah. Rupa-rupanya Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini pun tidak dapat setuju atas trend kata Yang Berhormat Tuan Abu Bakar. Saya pun tidak dapat setuju sebenarnya setuju tidak setuju pun saya dengan pandangan mengenai trend harga getah ini yang dilapazkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Satu sahaja yang saya dapat cakap iaitu saya dapat faham mengapa beliau itu marah pada saya, kerana kalaulah betul tiap-tiap kali ada pilihanraya harga getah naik, maka jatuhlah PAS sedikit. Jadi oleh sebab itu kita fahamlah mengapa dia marah. Jadi mudah-mudahanlah pilihanraya akan datang harga getah hendak naik lagi, kali itu apakah akibatnya kita tidak tahu, barangkali Ahli Yang Berhormat boleh sama-sama turut suka-ria juga kalau "Coalition" jadi.

Tuan Yang di Pertua, biar saya menjawab point-point yang tidak panjang dahulu iaitu mengenai soal permintaan Ahli Yang Berhormat Perlis iaitu Yang Berhormat Tuan Shaari supaya diadakan pusat penyediaan getah berkelompok di Perlis. Perkara ini saya akan timbangkan dan kalau ada cukup kumpulan dan aturan disiplin di antara mereka pekebun kecil di sana memanglah menjadi dasar kita untuk menggalakkan mereka itu menjaga kepentingan mereka bersama dengan menjalankan pusat penyediaan getah berkelompok dan meninggikan mutu getah yang dijual daripada kawasan itu.

Ahli-ahli lain ada juga bercakap mengenai cess. Seorang Ahli Yang Berhormat minta cess ini ditarik dengan cara sementara. Seorang lagi Ahli meminta supaya cess ini diturunkan. Sebenarnya soal ini pun ditimbangkan oleh Kerajaan sebelum kita mengemukakan undang-undang ini. Pada masa jawatankuasa kerja menyemak kedudukan perusahaan getah keseluruhannya,

maka satu daripada soal yang ditimbang dengan sedalam-sedalamnya ialah soal hendak menghapuskan dengan secara sementara ataupun mengurangkan cess atas getah. Sesudah ditimbang sebelum keputusan diambil, maka kita pun beruntung kerana mendapat satu peluang melihat atas reaksi daripada pasaran di Malaysia ini. Apakala ada bisikan angin yang menyatakan Kerajaan akan menurunkan cess getah itu sebanyak dua sen, maka reaksi daripada pasaran kita menunjukkan bahawa harga getah jatuh dua sen juga. Ini mungkin juga menggambarkan bahawa apakala keadaan pasaran getah tidak berapa sihat, jadi apa-apa cara yang boleh menurunkan lagi harga getah dengan tidak menyebabkan pekebun-pekebun luar daripada kebun mereka mungkin akan diambil sebagai mencari peluang hendak menurunkan harga getah lagi, dan saya fikir dengan bukti kali itu pada masa ini tidaklah baik bagi kita menurunkan cess ini sebagai langkah hendak menolong pekebun-pekebun kecil khususnya.

Satu lagi sebabnya ialah pekebun kecil itu tidak dapat kita asingkan dalam sistem pemasaran kita daripada pihak-pihak lain, maka cara-cara hendak memberi penguangan cess itu kepada pekebun-pekebun kecil itu adalah sukar. Dan kalau kita potongan cess ini di peringkat eksporter iaitu peringkat biasa bagi kita meletakkan cess mungkin juga kekurangan cess ini tidak akan diberi kepada pekebun kecil-pekebun kecil, mungkin juga pergi ke tangan exporter ataupun dealers. Jadi tidak ada bagi kita hendak memberi walau bagaimanapun hakikat cara kita ingin hendak menolong pekebun-pekebun kecil potongan cess ini untuk menolong mereka.

Nampaknya semua pandangan-pandangan lain mengenai soal perlunya bagi kita menjalankan penyelidikan-penyelidikan atas kegunaan getah. Satu soal ialah adakan penyelidikan ini meliputi bukan sahaja susu getah, tetapi pokok getah, daun getah, biji getah dan lain-lain. Ini perkara kita akan timbangkan. Sebenarnya ada tanda-tanda yang pokok getah boleh menjadi satu bahan yang akan mengeluarkan kayu yang begitu cantik dan begitu tahan. Perkara ini sedang kita timbangkan sekarang ini.

Atas soal kita hendak menggunakan getah untuk membuat kasut atau membuat pelastik dan untuk membuat minyak petroleum.

Ini pun kita telah timbang semuanya memanglah baik, tetapi apakala kita membesar-membesarkan perhatian kepada satu line of research, maka soal ekonomi, soal kelebihan faedah yang kita dapat daripada research ini memanglah ditimbang. Misalnya sungguhpun kita dapat mengeluarkan petroleum daripada getah, maka telah didapati belanja membuat petroleum daripada getah adalah lebih mahal daripada membeli petroleum daripada gas stesyen. Jadi oleh sebab itu gambaran ekonomi bertukar, maka tidaklah kita menjalankan research mengenai petroleum itu dengan selanjutnya.

Mengenai soal membuat getah daripada kasut. Sebenarnya soal ini tidaklah terus kita tinggalkan selepas Rejim Jepun tamat di Malaysia ini, research telah pun berjalan dan getah crepe daripada Malaysia memanglah menjadi satu getah yang sangat popular untuk menjadi sole ataupun tapak kasut diseluruh dunia ini.

Saya fikir atas soal pelastik ini telahpun kita cuba bagaimana kita dapat mencampurkan pelastik dengan getah supaya dapat memberi lebih tahan kepada apa-apa barang yang dibuat.

Perkara ini telah kita buat dan satu tauladan yang sangat senang ialah yang memakai plug electricity. Tetapi bagi kita hendak menggantikan pelastik memanglah sukar sedikit kerana dibandingkan dengan harga pelastik yang lebih murah tidaklah economical bagi kita hendak berlawan dengan pelastik. Jadi kita hanya menumpukan research kita atas campuran-campuran di dalam beberapa line of research yang boleh menunjukkan kelebihan getah kalau dicampurkan dengan bahan-bahan lain. Ini sedang dijalankan dan sebenarnya perkara ini telahpun dijalankan di London beberapa tahun dahulu. Tetapi oleh sebab di Malaysia ini tidak ada indasteri yang dapat menggunakan, jadi tidaklah kita mahu menjalankan satu polisi dog in the manger's policy. Kalau satu-satu pendapatan research itu kita tidak dapat gunakan sendiri maka pertanyaan nombor 2 ialah diberikan kegunaan ini kepada orang lain supaya melakukan getah kita. Dasar itulah yang digunakan oleh kita dari beberapa tahun yang lepas, tetapi sekarang kita sudah ada dasar hendak menggalakkan perindustrian dalam negeri kita sendiri maka

research-research kegunaan yang akan datang terpaksa kita akan tahan supaya tidaklah dibucur-bucurkan kepada pihak yang kita tidak mahu memberi pendapat research itu.

Mengenai soal kakitangan di RRI, sebenarnya saya mengakui bahawa percentage orang-orang Melayu di sana belumlah cukup tinggi, tetapi kalau dibandingkan dalam tahun 1966 misalnya 6 tahun dahulu, maka percentage telah pun naik dan sekarang ini kita sudah ada lebih daripada 10 pegawai-pegawai senior dan seorang daripadanya ialah memegang jawatan Penolong Pengarah RRI. Dalam perkara ini telahpun saya bincangkan dengan sedalam-dalamnya dengan Pengarah RRI 4 bulan dahulu dan kita memanglah mencari jalan-jalan untuk melantikkan seorang bumiputra menjadi Timbalan Pengarah. Sekarang ini principalnya telahpun kita setuju dan hanya mencari badan sahaja untuk dilantikkan sebagai Timbalan Pengarah RRI. Jadi nampaknya tidaklah ada sebab yang kita akan khuatir atas kemahuan pihak RRI hendak menjalankan dasar Kerajaan kita, hendak mencapai perseimbangan di antara bumiputra dengan bukan bumiputra di dalam semua lapangan Kerajaan dan di dalam semua Jabatan Kerajaan. Insha Allah, saya fikir, dengan adanya kemahuan pihak-pihak yang berkuasa dalam RRI dan MRFB yang sebenarnya menjalankan dasarnya untuk melaksanakan dasar Kerajaan yang diketahui dengan Dasar Ekonomi Baru ini, maka soal hendak melantik dan melatih bumiputra tidak akan mendapat halangan apa-apa pada masa akan datang.

Sebenarnya kita sekarang ini sedang pun menimbangkan cara-cara hendak menggalakkan lebih-lebih lagi banyak pemuda-pemuda daripada golongan bumiputra untuk belajar sains seperti Ahli-ahli Yang Berhormat ketahui, kita memanglah kekurangan calon-calon hendak belajar sains pada sekarang ini, mana yang lulus dalam jurusan sains telah pun direbutkan oleh beberapa pejabat dan oleh pihak swasta. Jadi kalau kita melatih calon-calon yang tidak lulus Senior Cambridge atau HSC mungkin

juga kita tidak akan dapat calon-calon selepas rebutan yang telah saya terangkan tadi. Sekarang kita sedang menimbangkan dengan mana kita akan melatih penuntut-penuntut bumiputra supaya masuk ke jurusan sains daripada Tingkatan I. Saya fikir dengan approach yang baharu ini, mungkin juga lebih banyak kita dapat menggalakkan lagi murid-murid terutama sekali daripada luar bandar, dari keturunan bumiputra yang akan dapat mengambil peranan di dalam jurusan sains.

Itulah sahaja komen-komen yang patut saya berikan kepada teguran-teguran Ahli Yang Berhormat sekalian. Sekali lagi saya ucapkan terima kasih.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbangkan dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 3 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Tuan Yang di Pertua: Mesyuarat ditangguhkan selama 15 minit.

Persidangan dtempohkan pada pukul 5.00 petang.

Persidangan disambung semula pada 5.15 petang.

(Tuan (Timbalan) Yang di Pertua *memperergusikan Mesyuarat*)

**RANG UNDANG-UNDANG
KUMPULANWANG GETAH MALAYA
PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN
(PERLUASAN DAN PINDAAN)**

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Tuan Haji Abdul Taib bin Mahmud: Tuan Yang di Pertua, saya mohon supaya Akta Kumpulanwang Getah Malaya (Penyelidikan dan Kemajuan) (Perluasan dan Pindaan), 1972 dibacakan pada kali yang kedua.

Akta Kumpulan Wang Getah Malaya (Penyelidikan dan Kemajuan) (Perluasan dan Pindaan), 1972 ini adalah bertujuan untuk meminda dan meluaskan Ordinan Kumpulanwang Getah Malaya, 1968. Lembaga yang baru ini, seperti Lembaga yang masih ada akan menggalakkan penyelidikan mengenai pengeluaran dan penggunaan getah asli dan akan menyelaraskan kegiatan-kegiatan di luar dan di dalam negeri, berkaitan dengan penyelidikan, kemajuan, publisiti dan lain-lain hal yang akan mendatangkan faedah kepada perusahaan getah asli. Pindaan-pindaan Ordinan 1958 adalah bertujuan untuk memperbaiki Struktur Organisasi dan perwakilan di dalam Lembaga yang masih ada, memandangkan kepada perubahan-perubahan yang berlaku di dalam keadaan perusahaan getah asli. Tujuannya ialah untuk menentukan bahawa kegiatan-kegiatan menyelidik dan memajukan perusahaan getah disatukan dengan rancangan-rancangan kemajuan dan matlamat-matlamat dengan secara positif dan berkesan.

Sungguhpun Lembaga Kumpulan Wang Getah Malaya dengan hak kuasa yang tercatat di dalam Ordinnannya mempunyai berbagai-bagai tujuan, akan tetapi tugas-tugasnya itu tidaklah semestinya memainkan peranan yang tertentu di dalam pembangunan perusahaan getah asli dan di dalam pembangunan negara. Oleh itu, dicadangkan M.F.R.B. ini dinamakan sebagai Lembaga Kemajuan dan Penyelidikan Getah Malaysia (Malaysian Rubber Research and Development Board atau M.R.R.D.B.) supaya semua tugas-tugasnya dapat dijalankan dengan lebih tepat lagi.

M.R.R.D.B. ini akan terus mentadbirkan ketiga-tiga unit di bawahnya iaitu Pusat Penyelidikan Getah Malaysia (R.R.I.M.) di Kuala Lumpur, Persatuan Penyelidikan Pengeluar-pengeluar Getah Asli atau N.R.P.R.A. di London, dan Biro Getah Asli (Natural Rubber Bureau atau N.R.B.) yang ditubuhkan di dalam sepuluh negara untuk memberi nasihat-nasihat teknik kepada pekilang-pekilang besar di seluruh dunia ini.

Nama-nama pertubuhan dan persatuan-persatuan ini tidak sesuai lagi oleh sebab keadaan masa telah berubah. Dengan adanya pejuang ini maka nama-nama mereka itu ditukarkan menjadi Pusat Penyelidikan Getah Malaysia, Persatuan Penyelidikan Pengeluar-pengeluar Getah Asli Malaysia dan Biro Getah Malaysia. Dengan pertukaran nama ini dapatlah dijalankan kepada Negara-negara seluruh dunia yang galakan telah pergiatkan untuk memajukan perusahaan getah di negeri ini dan segala hasil-hasil yang mereka terima itu datang kerana usaha daripada negeri kita ini, Malaysia.

Untuk mencapai matlamat-matlamat yang seperti di sebutkan tadi, maka R.R.I. telah menceburkan dirinya dalam penyelidikan dan kemajuan pengeluaran dan penggunaan. Walaupun kegiatan-kegiatan seperti ini sudah kena dengan tujuannya dan mempunyai lojik, tetapi dengan berlakunya perubahan-perubahan R.R.I. perlu menambahkan lagi usaha-usahanya untuk mengembang dan meluaskan penyelidikan dan kemajuan dari segi kegunaan.

Pertama, satu unit Perkhidmatan Penasihat Teknik (Technical Advisory Service) di bawah Pusat Penyelidikan Betas Asli yang besar di Malaysia perlu diadakan untuk menyesuaikan secara efektif dengan perkembangan pasaran-pasaran bagi getah asli yang bertambah besar di rantau ini seperti di Asia dan Australiasia. Kedua, masa telah tiba bagi Malaysia untuk memajukan dengan secara aktif perusahaan-perusahaan yang berasaskan getah dan untuk menjayakan perusahaan-perusahaan ini, perlulah kita menyesuaikan usaha-usaha ini di dalam penyelidikan dan kemajuan dengan berbagai kegunaan yang tertentu.

Semasa membangunkan R.R.I. untuk menyelenggarakan tugas-tugasnya yang baru, N.R.P.R.A. mestilah terus bertindak bersama-sama dengan perusahaan-perusahaan

getah di sebelah Barat. Negara-negara Eropah mengguna getah lebih kurang sama banyaknya dengan pengeluaran getah daripada Malaysia iaitu 1.3 juta tan. Sambil satu juta tan lagi digunakan di Amerika Syarikat dan di U.S.S.R. dan oleh itu tidaklah bijak jika sekiranya kita tidak mempertahankan sekuat-kuatnya kedudukan getah asli di kawasan yang tersebut itu dengan memberi nasihat teknik, hasil daripada penyelidikan di dalam makmal untuk digunakan di kilang-kilang perdagangan di wilayah tersebut.

Di dalam kegiatan ini, Malaysia hendaklah mempertahankan kedudukan yang terpuji di negara-negara Eropah, Amerika dan Soviet Union itu.

Merujuk semula kepada Rang Undang-undang ini satu perkara yang mustahak ialah cadangan untuk menubuhkan di dalam M.R.R.D.B. ini satu yunit yang dinamakan Unit Kerja Penyiasat Ekonomi dan Teknologi (Economic and Technological Intelligence Unit). Susunan yang ada pada masa sekarang ini di dalam negara ini tidak dapat mengumpul dan menyatukan matlamat-matlamat yang berbagai-bagai jenis yang diperlukan untuk merancang pengeluaran, pemasaran dan penggunaan secara rasional dengan memberi pertimbangan kepada faktor-faktor luar dan dalam. Oleh itu, perlulah diadakan satu pusat yang ditugaskan dengan tanggungjawab-tanggungjawab seperti ini. Pusat ini apabila dilengkapkan dengan pakar-pakar saintis dan ekonomist-ekonomist akan memberi perkhidmatan kepada Kerajaan dan perusahaan termasuk lain-lain ejensi kebangsaan yang ada kaitan dengan getah terutama sekali Lembaga Kemajuan Pekebun-pekebun Kecil Perusahaan Getah (Rubber Industry Smallholders Development Authority atau RISDA).

M.R.F.B. telah menubuh satu badan penasihat yang dikenali sebagai Jawatankuasa Penasihat Penyelarasan (Co-ordinating Advisory Committee) yang mengandungi Pegawai-pegawai terutamanya pakar-pakar saintis yang memegang tugas-tugas yang tertentu di dalam perusahaan ini untuk memberi nasihat kepada Lembaga keatas kegiatan-kegiatan penyelidikan yang sedang dijalankan dan kemajuan yang telah diperolehi. Di dalam mesyuarat-mesyuaratnya yang diadakan di London dari masa kesemasa, Jawatankuasa ini telah mengambil

berat terutama sekali ke atas perkara-perkara bersangkutan dengan usaha-usaha untuk mencapai tujuan yang bercorak teknik. Walaubagaimanapun, di dalam konteks peranan yang penting dimainkan oleh getah asli di dalam ekonomi Malaysia, lain-lain langkah adalah diperlukan untuk menempatkan tujuan-tujuan dan keutamaan yang sesuai dengan rangka rancangan khas pembangunan Malaysia. Sebab itulah Jawatankuasa Penasihat Tempatan dan yang mahir ini ditubuhkan dengan tugas-tugas untuk tujuan-tujuan ini.

Anggota-anggota Lembaga baharu ini adalah seperti berikut:

- (a) Pengawal Penyelidikan Getah sebagai Pengerusi.
- (b) Tiga ahli mewakili sektor ladang-ladang besar perusahaan getah yang terdiri daripada calun-calun yang dipilih oleh Majlis Pekebun-pekebun Getah Malaysia.
- (c) Tiga ahli lagi yang akan mewakili sektor pekebun-pekebun kecil perusahaan getah.
- (d) 2 Wakil daripada Kerajaan Malaysia,
- (e) 3 Wakil lain, seorang daripadanya adalah daripada Malaysia Timor, dan seorang lagi daripada FELDA.

Adalah jelas bahawa Rang Undang-undang ini memberi perwakilan yang seimbang di antara sektor ladang-ladang besar dan sektor Pekebun-pekebun Kecil Perusahaan Getah. Ini menggambarkan bertambah pentingnya sektor pekebun-pekebun kecil memandang dari segi keluasan ladang-ladang dan jumlah pengeluaran. Kemasukan ahli daripada Malaysia Timur ialah untuk menyamakan dengan tujuan-tujuan M.R.F.B. untuk memperluaskan kegiatan-kegiatannya kepada negeri-negeri di Malaysia Timur.

Rancangan penyelidikan dan keutamaan untuk perusahaan getah tidak boleh dimajukan dengan cara berasingan tetapi mestilah disatukan dengan keperluan ekonomi Negara dan dengan matlamat-matlamat dan tujuan-tujuan Rancangan Pembangunan Negara. Seksyen 7 Rang Undang-undang ini bertujuan untuk menegaskan perlunya diadakan kerjasama di antara Lembaga dengan semua

ajensi-ajensi Kerajaan yang bertanggung-jawab mengenai penyelidikan perkhidmatan luar pelaksanaan pembahagian credit, proses dan pasaran dan mempercepatkan tindakan memodenkan sektur pekebun-pekebun kecil.

Tuan Yang di Pertua, saya mohon izin sekali lagi mencadangkan supaya Rang Undang-undang dibaca bagi kali yang kedua.

Tan Sri Ong Yoke Lin: Tuan Yang di Pertua, saya mohon menyokong.

Datuk J. E. S. Crawford: Tuan Yang di Pertua, saya bangun menyokong dengan sepenuh-pejuhnya Rang Undang-undang ini dan minta izin untuk bercakap sedikit dalam bahasa Inggeris, kerana ada sedikit teknikal bila-bila tak boleh bercakap dalam bahasa Malaysia.

Tuan (Timbalan) Yang di Pertua: Saya membenarkan ucapan Datuk untuk disulamkan perkataan-perkataan bahasa Inggeris ke dalam bahasa Malaysia.

Datuk J. E. S. Crawford: Terima kasih. Saya sukacita bertanya kepada Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama, adakah Kementerian beliau dengan task force getah ada masa untuk menimbangankan apabila harga getah sudah turun. Ada kira-kira yang over production getah asli dalam negara kita, fasal ada pakai satu ubat sapu yang bernama Ethrel pokok-pokok getah asli dan juga pakai lain-lain negeri di luar Malaysia yang menanam getah asli, pada ingatan dan anggaran saya there is over production due to the use of ethrel stimulant.

Over production is the main cause, as always, for the fall in the price of rubber. With your permission, Mr President, Sir, I would like to read a small bit from a newspaper which caught my eye to prove that over production also caused the fall in the price of rubber over 40 years ago. This is from the *Malay Mail* of Friday, 21st July, 1972. It is headed "40 Years Ago" and it is from the *Malay Mail* of 21st July, 1932. It reads,

"Kuala Lumpur: Many Malayan rubber estates are again tapping all out, presumably under the impression that next to closing down this is their best policy. It is admitted that the greater the output the less must be the all-in cost per pound. But provided that all possible economies have been made, it

is not the all-in cost, but the cost of tapping, manufacture, freight, insurance, duty and selling cargo which should determine the tapping policy. If the latter cost exceeds the price received for the rubber sold, estates are adding unnecessarily to their losses by tapping all out".

Sir, what I wish to ask Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama is whether he would consider the use of Ethrel being governed in the same way as Sodium Arsenite, but not for the same reason. Ethrel, in my opinion, is causing the over production at the present moment, because with the use of this stimulant you can get 100, 200 or 300% more latex depending on the clone. Permits could be issued by the Ministry, or perhaps by the R.R.I., to whom the authority to issue the permit might be delegated, only to people whose yields they thought would be so low that they needed the benefit of Ethrel. But the bigger people whose yields are higher, say 2,000 pounds already, probably do not need to use Ethrel at the present time. I would like to make it perfectly clear here now, Sir, that I am speaking in my personal capacity (*Ketawa*) and not on behalf of the Rubber Producers' Council or the industry. I feel sure, Sir, if they do get their hands on me now, they would throttle me. But from my experience, Sir, of over 50 years—I have been in the rubber industry from 1922 to 1972 and I have just completed my half century—I have always found daripada tahun 1921 ke 1928 dan 1934 sampai sekarang selalu itu main cause untuk slump—over production. So I would ask the Minister to look into this. I do not think it is necessary to use Ethrel at present, but I may not be correct, and perhaps he could look into it and if I am right, Sir, perhaps he would consider rationing the use of Ethrel. Terima kasih.

Datuk Dr Cheah Toon Lok: Tuan Yang di Pertua, saya juga adalah seorang ahli doktor dan ahli saintis. Saya fikir Yang Berhormat Datuk Crawford tak faham di atas nama Ethrel, apa gunanya Ethrel itu (*Ketawa*). Ethrel itu adalah sejenis ubat pembunuh . . .

Datuk J. E. S. Crawford: Untuk penerangan, Tuan Yang di Pertua.

Tuan (Timbalan) Yang di Pertua: (*Kepada Datuk Dr Cheah Toon Lok*) Datuk beri jalan?

Datuk Dr Cheah Toon Lok: Ya.

Datuk J. E. S. Crawford: On a point of clarification. Surely my Honourable friend, Datuk Dr Cheah Toon Lok has heard of the chemical referred to as Ethrel which acts as a stimulant upon rubber trees and on many other agricultural products. Thank you.

Datuk Dr Cheah Toon Lok: Tuan Yang di Pertua, saya hendak minta maaf kepada Datuk Crawford mengenai kesilapan itu. Ethrel itu, kalau di pokok tua sahaja macam pokok-pokok kampung. Jikalau pokok getah yang baharu berumur 6 tahun atau 7 tahun, jika dia dikeluarkan susu getah begitu banyak, pokok itu mati, sebab itu ditaruh Ethrel. Bagi pekebun-pekebun kecil getah di kampung mereka menggunakan Ethrel kerana pokoknya tua dan lebih daripada 8 tahun mati. Jikalau dia boleh lebihkan getah itu keluar dan dalam masa beberapa tahun pokok itu sudah mati, kalau sudah tua bagi dia matilah sebab kita boleh pakai akar, pakai kayu dan daunnya—semuanya boleh dipakai sebab negeri kita masih ada menjalankan perusahaan yang memakai kayu sebab kayu kita adalah sesuai hendak dibuat kertas yang baik mutunya dan cantik dan boleh tahan lama seperti buat dokumen yang lama-lama. Itu boleh pakai atas pokok getah dan daun-daun pokok boleh dipakai dan juga bijinya boleh dijadikan makanan.

Pada masa dahulu harimau makan biji getah iaitu waktu zaman Kerajaan Jepun ada banyak harimau, sebab dia tak ada makan di dalam hutan dan keluar datang makan biji getah dan juga babi-babi hutan pun makan biji-biji getah. Kalau boleh panggil saintis kita di sini mencari satu jalan untuk menyelidik di atas biji getah boleh kita dapat satu makanan yang sesuai bagi orang memakannya bukan di dalam negeri kita sahaja tetapi diseluruh dunia dan kayu itu boleh dijual bersama-sama dengan biji getah yang banyak di dalam dunia dan boleh mendapat satu keuntungan yang baik kepada penduduk-penduduk di dalam kampung. Saya hairan orang tahu nama ethrel sahaja, tetapi tak tahu macam mana hendak pakai ethrel itu. Sebab itulah saya hendak menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan ini jangan sebutlah ethrel, ethrel sahaja tetapi tak tahu bagaimana hendak menggunakan ethrel itu. Sekian, terima kasih.

Datuk Nik Hassan bin Haji Nik Yahya: Tuan Yang di Pertua, saya tidak hendak campur fasal Ethrel itu, kerana kedua-dua

Datuk itu memang orang yang telah sampai umur untuk memakai Ethrel (*Ketawa*). Tetapi bagaimana Datuk Crawford beritahu saya sebanyak 1 juta ekar lebih kebun-kebun getah termasuk pekebun kecil dan ladang-ladang yang memakai Ethrel itu. Pada pendapat saya bagi pekebun-pekebun kecil, eloklah kita benarkan dia pakai supaya seberapa banyak susu hendak keluar, biarlah dia keluar, tambahan pula getah tua itu bagi dia, dia keluar susu, biar banyak. Kalau hendak kontrol pun kontrollah estet-estet yang besar macam estet Datuk Crawford, ataupun lain-lain kebun yang besar-besar. Apabila mereka boleh jaga pengeluaran susu mengikut aturannya, biarlah pekebun-pekebun kecil itu mengeluarkan berapa banyak susu pun yang hendak dikeluarkan. Fasal dia hendak mencari sara hidup sehari-hari, mengikut berapa banyak keperluan hidupnya.

Satu lagi alasan saya, suka saya sebut di sini ialah tentang perbadanan Kerajaan. Saya masih ingat lagi Tun Dr Ismail ada mengeluarkan perbandingan baharu dalam hal politik di Malaysia ini. Kata Tun Dr Ismail, biarlah ahli-ahli politik yang ada di Malaysia ini mengambil satu-satu jurusan di dalam memainkan peranan politik di tanahair kita ini, umpamanya ada kumpulan yang mengambil tahu mengenai ekonomi, specialise dalam ekonomi, indastri, ada pula specialise dalam foreign affairs. Jadi biarlah politicians yang ada ini merupakan politicians yang betul-betul tahu dalam satu-satu masalah, yang tahu apa yang dicakapkan dalam Parlimen, supaya dia tidaklah akan terbawa-bawa dalam semua masalah kerana tidak specialise dalam satu-satu masalah. Bila saya teringatkan nasihat Tun Dr Ismail itu, saya teringat kepada cara Kerajaan kita membentuk perbadanan-perbadanan dalam negara kita hari ini. Perbadanan yang dibentuk itu biasanya diletakkan Pengerusinya oleh Menteri dan biasanya Menteri melantik orang yang menjadi Pengerusi itu ialah pegawai civil servants, diambil senior civil servants ataupun yang berpenchen, yang sudah tak berdaya lagi hendak berfikir tentang masalah negara, bagi dia penchen, tetapi dia diambil, dilantik menjadi Chairman satu-satu perbadanan, ataupun orang yang telah lama bekerja daripada civil servant yang terlampau lama, dia tunggu masa penchen sahaja, kerana hormat ataupun menghargai, mengenai pekerjaannya, diambil menjadi ketua satu-satu perbadanan. Jadi peluang bagi

politician dalam negeri kita untuk specialise dalam satu-satu masalah itu langsung tidak ada. Kalau kita mahu mereka specialise dalam satu-satu masalah, kita mesti betul-betul mengkaji dalam masalah itu dan mesti berada di dalam masalah itu. Umpamanya kita katakan dalam masalah getah, perbadanan ini dahulu ada Controller of Rubber Research yang menjadi Pengerusinya. Sekarang perbadanan ini telah disusun balik, diadakan satu jawatan Pengerusi yang barangkali Menteri akan melantik siapa yang difikirkan layak. Bagi saya, perlantikan Pengerusi itu patut kita beri kepada seorang ahli politik yang duduk di dalam Dewan Rakyat, kalaupun tak mahu diambil dari Ahli Dewan Negara. Ambillah Ahli Dewan Rakyat yang cergas yang boleh menumpukan segala usaha dan pemikirannya dengan sepenuh masa dalam masalah getah. Dalam hal ini, satu kejayaan telah ditunjukkan manakala Kerajaan melantik Tan Sri Syed Nasir umpamanya menjadi Pengerusi Lembaga Padi dan Beras Negara, dan dengan adanya beliau dalam LPN itu, kita dengar berbagai-bagai perkara baharu timbul. Cara atau kaedah bekerja yang lebih cergas, lebih berkesan telah dijalankan oleh Tan Sri Syed Nasir, kerana dia seorang yang setia dengan Kerajaan dan sebagai seorang yang aktif dalam politik yang tahu selok-belok cara hendak bergerak mengenai hal beras dalam negara ini. Orang semacam itulah yang patut kita cari dalam Dewan Rakyat dan kita lantik sebagai Pengerusi satu-satu perbadanan. Janganlah diambil civil servants yang sudah hendak berpencen, sudah kaku, sudah beku, tak guna lagilah. Kayu-kayu mati itu tinggal mati sahajalah, jangan kita bawa ke tengah. Kalau kita bawa ke tengah perbadanan, kita, jentera kita tidak dapat berjalan dengan baik. Jadi inilah saya cuba hendak ingatkan kepada Menteri yang berkenaan. Dengan ini kita untung dua perkara. Yang pertama, kita untung bahawa perbadanan, ataupun jentera kita berjalan dengan lancar dan kita untung kerana dapat menyempurnakan kehendak Tun Dr Ismail supaya ahli-ahli politik itu mengetahui dalam satu-satu masalah yang tertentu.

Saya rasa, pandangan saya ini akan dapat dipertimbangkan oleh Kerajaan, bukan sahaja satu perbadanan, malah lain-lain perbadanan juga supaya kita jadikan negara kita ini lebih cergas dan lebih dinamis dalam bergerak sebagaimana yang dikehendaki oleh Perdana Menteri kita. Sekian, terima kasih.

Tuan Haji Abdul Taib bin Mahmud: Tuan Yang di Pertua, terlebih dahulu saya ucapkan terima kasih kepada teguran Ahli-ahli Yang Berhormat terutama sekali pandangan Datuk Crawford yang saya fikir patut, dipuji, kerana sebagai seorang yang mempunyai ladang, saya memang merasa terharu bila mendengar bahawa beliau telah mencadangkan apakala ada kelebihan pengeluaran getah dalam negara ini, eloklah penggunaan Ethrel itu digunakan, saya fikir digosok-gosok, saya pun tidak tahu—disekatkan barangkali dengan secara lesen dan ketutamaan patutlah diberi kepada pekebun-pekebun kecil. Ini adalah satu sentimen seorang yang saya fikir sungguhpun bukan nampaknya macam orang Malaysia, tapi betul sentimen jadi rakyat Malaysia dan saya berterima kasih sangat atas cadangannya itu. Saya memang akan menyelidiki soal ini, kalaulah keadaan supply kita terlebih sangat, kalau dibandingkan dengan demand. Tetapi dalam soal kedudukan supply dan demand, saya sendiri pun belum dapat membuat pandangan yang begitu tetap, tetapi pandangan saya secara preliminary ialah pada masa sekarang ini sungguhpun ada statistical surplus di dalam pengeluaran getah di seluruh dunia, tetapi dari segi physical supply barangkali tidak ada surplus, kerana kalau kita pandang, kita kaji daripada statistik 1971 (actual) dan 1972 (estimate daripada I.R.S.G. hingga Jun, 1972 ini), nampaknya pada tahun lepas ada 3,037,500 metric ton supply dan demandnya ialah 3,005,000 ton. Jadi surplus ialah 32,500 ton. Tetapi dalam tahun 1972 ini mengikut ramalan saya supply akan menjadi 3,178,000 ton dan demand 3,132,000 ton iaitu 46,000 ton yang berlebihan. Kalau kita cuba analisa lagi, angka 32,500 ton dalam tahun lepas hanya merupakan 1% daripada total supply dan 46,000 ton itu hanya merupakan 1.5% daripada total supply. Tetapi kalau kita ingat bahawa pertukaran stok daripada setahun ke setahun iaitu satu tarikh kita membuat stok kita kepada tarikh yang lain, maka bilangan 45,000 ton itu memanglah biasa pada tiap-tiap tahun. Saya berpendapat bahawa sebenarnya tidak ada surplus kalau kita lihat daripada kedudukan supply and demand situation dalam lima bulan yang lepas iaitu daripada Januari sehingga Mei tahun ini kedudukannya ialah terbalik iaitu bukan sahaja tidak ada surplus, tetapi ada kekurangan pula natural rubber. Misalnya kita nampak supply position ialah 1,220 juta

tan sambil demand position 1,310 juta tan metric. Ini bererti bahawa demand telah melebihi supply sebanyak 90,000 tan, tetapi kalau kita lihat atas pertukaran stok di negara-negara yang menggunakan getah daripada bulan Januari sampai bulan Mei tahun ini, maka nampaklah ada lagi kekurangan turunnya stok mereka itu sebanyak 30,000 tan iaitu daripada stok yang mula-mulanya 460,000 tan pada 1hb Januari tahun ini turun kepada 430,000 tan pada 31hb Mei tahun ini. Kalau kita kirakan turunnya stok ini sebenarnya kekurangan natural rubber pada bulan Mei tahun ini ialah 60,000 tan iaitu stok cover telahpun turun daripada 2.4 bulan consumption kepada 2 buian consumption equivalent sahaja. Ini bererti bahawa pada tahun ini banyak pengguna-pengguna getah telah menarikkkan keperluan mereka daripada stok-stok yang lama bukan daripada pembelian baharu sahaja.

Sesudah saya menjelaskan kedudukan ini, maka nampaknya bahawa kedudukan surplus bagi natural rubber tidaklah begitu membimbangkan kalau daripada actual position. Saya sendiri pada sekarang ini tidak dapat menerima banyak pendapat-pendapat orang di luar negeri menyatakan bahawa kedudukan sekarang ini telah menunjukkan bahawa ada surplus bagi getah asli. Yang saya setujunya ialah sebenarnya pada masa sekarang ini ada banyak kertas-kertas yang mengenai dengan getah yang ada disekeliling kita terutama sekali pada masa sekarang ini membimbangkan kerana harga getah sangat turun. Dalam kata yang lain saya berpendapat bahawa lebih kurang keadaan supply and demand position dalam getah asli ialah balance ataupun there is a balance of physical supply and demand of natural rubber, although there seems to be a surplus of paper rubber overhanging the market, which is the main cause of the present low rubber price. Inilah pendapat saya mengenai kedudukan supply and demand position. Adakah pendapat saya ini betul atau tidak, saya pun hanya masa sahaja menentukan, tetapi nampak-nampaknya saya masih berpegang kepada pendapat saya itu dan sebenarnya barangkali Datuk Crawford dapat mengambil comfort atas keadaan yang demikian. Tetapi sebenarnya soal ethrel telahpun diambil oleh satu pihak sebagai buktinya bahawa keadaan supply position dalam dunia mengenai getah asli akan berakibat dengan over-supply ini, kerana

pertama sekali Malaysia ada mengeluarkan benih-benih sudah sampai yang terakhir dapat mengeluarkan 3,000 paun satu ekar satu tahun dan kalau ini kita beri dengan Ethrel dan kita gosok lagi dengan Ethrel, maka pengeluarannya boleh melambung sampai 6,000 paun satu ekar satu tahun. Sebenarnya ini laboratory condition sahaja, iaitu keadaan yang ideal. Dalam penggunaan experiment ini di kawasan yang mempunyai tanah biasa belum ada sebenarnya kebun-kebun yang mengeluarkan 6,000 paun satu ekar satu tahun di dalam Malaysia ini sungguhpun notionally, perkara ini mungkin dapat dicapai.

Orang juga telah ramalkan bahawa dengan ada ethrel ini supply position akan bertambah buruk. Saya fikir ini tidak akan berlaku kalau ada banyak sentimen macam Datuk J. E. S. Crawford, dan saya fikir estet-estet mesti akan dapat menimbangkan soal ini dengan lebih wajar lagi.

Mengenai soal Chairman, Tuan Yang di Pertua, saya mula-mula memang ada tujuan seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Datuk Nik Hassan, tetapi memandang kepada keadaan sekarang ini, maka barangkali pada kali ini, saya terpaksa menyimpan Controller of Rubber menjadi Chairmannya. Pada masa akan datang manakala kita ada Ahli-ahli prominent dalam lapangan politik, orang yang terkemuka di dalam berbagai-bagai lapangan profesyen, maka memanglah eloknya bagi kita mengadakan Chairman beberapa badan terdiri daripada politicians yang mempunyai standing yang terhormat sekali. Konsepnya saya memang setuju sekali. Tetapi kali ini, pada masa sekarang ini, saya belum mengizinkan.

Nampaknya tidak ada perkara-perkara lain yang saya patut jawab. Saya tidak dapat beri sumbangan yang lebih menjelaskan lagi mengenai soal ethrel tadi. Saya fikir soal eloklah kita pulangkan sahaja dengan pengertian yang telah diberi oleh Datuk J. E. S. Crawford dan Datuk Dr Cheah Toon Lok. Terima kasih.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 3 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG
KUMPULANWANG PERUSAHAAN
GETAH (PENANAMAN SEMULA)
(PERLANJUTAN KUATKUASA)**

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Tuan Haji Abdul Taib bin Mahmud: Tuan Yang di Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang Kumpulanwag Perusahaan Getah (Penanaman Semula) (Perlanjutan Kuatkuasa), 1972 di bacakan bagi kali yang kedua.

Sebenarnya tujuan Rang Undang-undang ini adalah sangat mudah. Rang Undang-undang ini dicadangkan untuk memindahkan Rang Undang-undang Ibu, iaitu Rang Undang-undang memberi kuatkuasa kepada perjalanan sekim penanaman semula yang meneruskan dua tabung kewangan yang sepatutnya berakhir pada tahun 1972 ini. Rang Undang-undang ini meminta kuasa daripada Dewan ini supaya kuatkuasa Undang-undang Ibu boleh dijalankan terus sehingga kepada satu tarikh yang akan diisytiharkan oleh Menteri daripada satu masa kesatu masa.

Tuan Yang di Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang di Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Ibrahim bin Haji Yaacob: Tuan Yang di Pertua, saya bangun menyokong Bil ini untuk diluluskan dan saya menyuarakan dari pekebun-pekebun kecil yang menanam

getah semula. Mereka sangat-sangat berdukacita, kerana mereka telah diberi benih yang tidak baik, oleh sebab benih itu tidak baik mereka cuma dapat dua kati sahaja bagi tiap-tiap satu ekar. Sepatutnya mereka boleh dapat 10 kati seekar sekurang-kurangnya dan belanjanya yang diberi oleh Kerajaan sebanyak \$750 bagi satu ekar tidak mencukupi, maka terpaksa pekebun-pekebun kecil ini berbelanja yang lebih banyak.

Untuk menggantikan kerugian-kerugian pekebun-pekebun kecil ini yang menanam getah semula, saya merayu kepada Kerajaan akan memberi ganti rugi iaitu dengan membeli estet-estet yang berhampiran dengan pekebun-pekebun kecil ini dan diberikan dengan percuma kepada pekebun-pekebun kecil yang menanam getah semula ini mengikut luas tanahnya. Jika 3 ekar tanah yang di tanam semula maka Kerajaan patutlah menggantikan pula sebanyak 3 ekar dengan percuma dari estet-estet yang dibelikan itu.

Juga saya merayu kepada Kerajaan jika tanaman semula akan dilanjutkan lagi tolonglah beri kepada pekebun-pekebun kecil ini, nombor satu benih yang baik, bukan yang semacam yang sudah-sudah dengan tambahan belanja dari \$750 kepada \$1,000 bagi satu-satu ekar.

Sekianlah pandangan saya menyuarakan bagi pihak pekebun-pekebun kecil. Terima kasih.

Tuan Shaari bin Jusoh: Tuan Yang di Pertua, saya juga turut menyokong Rang Undang-undang ini yang telah dikemukakan oleh Menteri yang berkenaan. Dalam penanaman semula ini, Tuan Yang di Pertua, sebagaimana kata Datuk Nik Hassan tadi, walau pun caranya berjenaka, tetapi tidak menjadi adatlah benda yang tua itu patutlah digantikan dengan yang baharu baik getah atau apa sekali pun.

Disisi getah pada pendapat saya hari ini, kita tahu yang getah ini harganya murah. Kita cuba hendak tanam semula kerana kita tahu walaupun harganya murah pasaran getah adalah boleh dikatakan satu benda yang menjadi pendapatan yang besar juga bagi Kerajaan.

Selain daripada itu, Tuan Yang di Pertua, pada pendapat saya eloklah pehak Menteri

yang berkenaan, kalaulah ada tanaman-tanaman yang lain mengambil tempat getah patutlah ditanamkan juga kalaulah didapati hasil yang tanaman lain daripada getah itu mendapat hasil yang lebih, misalnya saya katakan di Perlis.

Bekas Menteri Besar Perlis, Tan Sri Sheikh Ahmad, bila ada benda yang hendak diambilkkan tanah-tanah getah untuk tanaman tebu disitu, Tan Sri Sheikh Ahmad telah membuat kenyataan, bahawa tanaman tebu ataupun pendapatan tebu berlebihan daripada pendapatan getah, jadi kata beliau, tidak usahlah susah hati walaupun getah itu hendak kena tebang tetapi pendapatan tebu lebih sedikit daripada getah. Itulah saya misalkan, kalau ada satu-satu tanaman tebu, ubi kayu dan sebagainya dan agak berlebihan daripada pendapatan getah patutlah menggalakkan dan tolong Kerajaan menyelesaikan, jadi jangalah kita teruskan tanamkan, sebab dengan tidak ada usaha daripada Kerajaan. Sebabnya saya katakan begitu, kalau misalnya, kita terus tanam tebu, kilang tebu kita tidak ada, tebu untuk diambil daripada orang yang menanam tebu. Jadi tebu tinggal tebu, kilang tidak mengambil tebu itu.

Yang kedua, kalaulah sekiranya dapat apa-apa Kerajaan hendak menggantikan dengan tanaman getah, biarlah syarat tanah itu mudah diubah. Dimana kita dapati hari ini Pejabat Tanah yang bersangkutan dengan tanah, baik tanah getah itu dan ini, kadangkala biasa minta sekali sampai bertahun-tahun pun tidak dapat dibuat penyelesaian. Jadi pihak yang berkenaan tolonglah dapat bekerjasama untuk menyelesaikan.

Yang ketiga, Tuan Yang di Pertua, berkenaan dengan tanaman semula. Kita tahu Kerajaan bagi peruntukan \$750 pada seekar ataupun serelung di Perlis. Tetapi yang kita berasa dukacita, dia tidak beri dengan mudah dengan sewenang-wenang selepas diperiksa oleh Pegawai Tanaman Semula. Sebagaimana saya katakan kelmarin, manusia ini banyak orang banyak ragam, ada yang baik, ada yang tidak baik, ada diantaranya didapati dia tidak pergi periksa tanah ataupun kebun yang berkenaan. Kalaulah kata ada satu-satu habuan yang dapat kepada dia. Jadi lebih tepat yang ada, bukan kesemua, ada diantara Pegawai-pegawai Tanaman Semula menyelwing yang membawakan kerana dia kebun

getah itu bayar ataupun rancangan itu tidak jadi dengan baik. Terima kasih, Tuan Yang di Pertua.

Tuan Abdul Rahim bin Abdul Manan: Tuan Yang di Pertua, saya berdiri menyokong dengan sepenuhnya Rang Undang-undang yang ada di hadapan kita hari ini, sekadar saya hendak bercakap satu dua perkara selain daripada apa yang dinyatakan oleh saudara saya Tuan Ibrahim bin Haji Yaacob tadi patutlah bantuan kerana menanam semula getah pekebun-pekebun kecil yang ada hari ini daripada \$750 naik ke \$1,000 dan juga patutlah Jabatan yang berkaitan memberi penerangan-penerangan yang lebih jelas dan luas kepada pekebun-pekebun kecil yang masih lagi tidak tahu menanam atau menebang pokok-pokoknya yang tua itu.

Dan satu perkara yang disebutkan oleh saudara saya tadi berhubung dengan perkara benih ini sangatlah musykil dan patutlah diberi benih-benih yang baik supaya pekebun-pekebun kecil yang menanam semula itu tidak teraniaya. Kerana orang-orang kampung yang mempunyai kebun-kebun dua ekar, tiga ekar, yang berharapan dengan penanaman semula getah itu akan mendapat pendapatan yang lebih, tetapi mendukacitakan benih yang diberikan itu tidak sebagaimana yang diharap-harapkan seperti yang diceritakan oleh pegawai-pegawai yang menjalankan tugasnya.

Yang kedua, sukaiah saya menyatakan di sini supaya pihak yang berkaitan dengan penanaman semula ini memberi kursus semula kepada pegawai-pegawai yang mengawal dan menjaga pekebun-pekebun kecil ini, kerana sebagaimana yang dinyatakan oleh saudara saya Ahli Yang Berhormat dari Perlis tadi, tidak dapat dinafikan penyeliwingan ini berlaku, tetapi perkara ini susah hendak dibuktikan. Andaikata tidak cukup pegawai, hari ini banyak anak-anak muda kita yang sedang mengangur, boleh barangkali pihak yang berkaitan mengambil pegawai supaya rancangan ini, rancangan Kerajaan kita ini tidak dapat ditempelak semula oleh rakyat kita sendiri, kerana wang habis hasilnya tidak ada.

Saya fikir pegawai-pegawai yang ditugaskan itu bukan cuma mengawal, tetapi hendaklah memimpin kepada pekebun-pekebun kecil yang menanam semula pokok

atau kebunnya itu, kerana sebab terutama sekali bumiputra kalau kurang pimpinan ini dia juga leka dengan keadaannya hari-hari, kadang-kadang sepatutnya kebun ini diberi baja dan dibubuh baja, maka dia tidak membubuh baja, maka hasil pokok ini tinggal begitu sahaja. Ada setengah pegawai yang memberikan baja ini, setelah memberi baja kepada pekebun-pekebun kecil ini, pedulilah; samada mereka hendak membubuh baja, terpulanglah kepada mereka sendiri. Walaupun hakikatnya kalau sekiranya pekebun-pekebun kecil ini tidak membubuh baja, maka mereka itu sendiri yang rugi, tetapi sebagaimana manusia, kita ini lain sedikit. Manakala dia nampak faedahnya hari ini, dia tidak hendak menantikan faedah yang lebih besar di masa yang akan datang.

Jadi, itulah dia, Tuan Yang di Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang ini dengan sepenuh-penuhnya dan saya harap Menteri yang berkenaan apa yang saya nyatakan ini dapat perhatian yang berat untuk kebajikan pekebun-pekebun kecil.

Datuk Nik Hassan bin Haji Nik Yahya: Tuan Yang di Pertua, sedikit sahaja, hendak menarik pandangan Menteri. Saya menyokonglah Rang Undang-undang ini dan saya memberi tahniah kepada pihak Jabatan yang berkenaan, yang menjalankan segala usaha yang baik itu dan kalau ada teguran daripada Dewan ini berkenaan dengan penyeliwingan dan sebagainya, saya memanglah mengetahui sangat, sebab saya pun ada juga pekebun-pekebun yang kecil daripada famili saya, bukan saya sendiri, tetapi saya tahu kedua-dua pihaknya, masing-masing ada penyakitnya. Kalau pegawai ada penyakit, pekebun kecil pun ada penyakit juga. Kalau disuruh bersihkan, dia tidak bersihkan, wang disapu habis. Itulah jagaan yang terlampau kuat.

Dahulu saya masih ingat lagi, ada pekebun kecil meminta wang bantuan, dia kata untuk menggali lubang, diberi bantuan, tetapi tidak diikuti dengan cara peraturan yang betul. Jadi, selalu timbul perbalahan di antara kedua pihak. Saya rasa sangat susah kita di sini hendak berkata di mana yang menyeliwing dan yang mana tidak menyeliwing. Cuma kita percaya dalam tanaman semula ini kita telah membuat satu kemajuan yang besar, yang mana

boleh dikatakan tidak boleh dinafikan lagi. Dengan kemajuan tanaman semula inilah yang dapat menghasilkan banyak kepada pekebun-pekebun kecil yang ada di kampung-kampung.

Satu usaha Jabatan Tanaman Semula ini yang tidak berjaya, iaitu di Kelantan sahaja, di negeri lain saya fikir berjaya, kerana negeri Kelantan ini diperintah oleh PAS. Jadi, susah hendak berjaya, kerana macam-macam hal berkenaan dengan tanah. Saya masih ingat lagi telah berbelas tahun. Pejabat Tanaman Semula ini berikhtiar untuk menolong pekebun kecil yang mahu menanam semula, tetapi kebunnya kecil sangat, dua ekar umpamanya, kurang daripada lima ekar. Kebun dia kurang daripada lima ekar, kalau dia hendak tebangkan, tanam semula, dia tidak makan. Satu daripada rancangan Kerajaan daripada Jabatan Tanaman Semula ini ialah untuk mengadakan satu estet yang akan dipunyai oleh pekebun-pekebun yang tidak dapat menanam semula, tetapi mahulah kepada satu kawasan tanah yang luas, yang saya ingat sudah berbelas tahun sampai sekarang pun belum dapat juga dijadikan di Kelantan lagi, sebab masalahnya ialah masalah tanah yang dikehendaki oleh Jabatan Tanaman Semula supaya Kerajaan Negeri memberi tanah, supaya tanah itu dapat dipotong-potong, ditanamkan dengan getah bagi faedah orang yang tidak dapat menanam semula, tetapi sehingga hari ini belum dapat saya dengar berita adakah penyelesaian telah dibuat, ataupun belum dibuat.

Kalau sekiranya belum dibuat, saya hendak mintalah Menteri yang berkenaan melawat ke Kelantan berjumpa dengan Menteri Besar Kelantan, sekarang kita sudah hendak bercampur, berilah tanah banyak supaya dapat dibuat rancangan tananam baharu ini bagi faedah pekebun-pekebun kecil yang boleh dapat menebang pokok-pokok mereka yang kecil-kecil ini.

Tuan Mohd. Hanipah bin S. Alaudin: Tuan Yang di Pertua, saya juga bangun menyokong Rang Undang-undang ini. Hanya saya hendak menyampaikan satu dua perkara yang bersangkutan dengan menanam semula, yang mana kita mengetahui pekebun-pekebun kecil dapat menanam semula selain daripada getah juga dibenarkan, iaitu misalnya seperti kelapa dan lain-lain yang telah

dibenarkan oleh pihak yang berkuasa, bagi menyesuaikan dengan keadaan tanah dan juga pengeluaran di kawasan-kawasan untuk memberi perolehan kepada pekebun-pekebun kecil itu. Tetapi setakat ini saya masih belum ketara ataupun terang sebagaimana yang diterangkan oleh Yang Berhormat Tuan Shaari dari Perlis tadi bahawa tebu ini adakah dimasukkan di dalam jenis yang boleh diberi bantuan oleh jabatan menanam semula selain daripada getah. Jika boleh, amatlah baik pada cadangan yang akan saya syorkan satu perkara nanti. Jika tidak boleh, saya minta pihak Kerajaan menimbangkan perkara ini, iaitu satu rancangan di negeri Kedah, Rancangan Kerajaan hendak mengadakan sebuah kilang gula di satu kawasan untuk menanam tebu oleh pihak Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah, yang telah dibuat penyiasatan.

Selain daripada itu, saya dapati di kawasan itu dan baharu-baharu ini saya telah bercakap dengan pihak yang berkaitan dan Pegawai Daerah Padang Terap, mengatakan kawasan itu ada beribu-ribu ekar tanah pekebun-pekebun kecil di dalam kawasan yang akan dijadikan ladang tebu itu nanti.

Jadi sekiranya kedudukan pekebun-pekebun kecil seperti yang diterangkan oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat iaitu memiliki dua ekar, tiga ekar, lima ekar misalnya, mereka ini mempunyai kebun getah namanya pada syarat-syarat di dalam surat akuan setengahnya, tetapi tidak ada beberapa banyak pokok-pokok getah yang boleh ditoreh lagi kerana terlampau tua dan sangat tidak memuaskan pengeluaran getahnya. Oleh sebab ada beberapa perkara yang tidak boleh mereka ini memohon menebang semula, sebab inilah satu mata pencarian mereka itu, walau mendapat satu ringgit atau tujuh puluh sen satu hari sekalipun, terpaksa mereka itu menyimpan pokok getah yang tidak memberi hasil yang baik kepada mereka itu. Satu cara yang baik patut ditimbangkan oleh pihak yang berkuasa sekiranya kebun kecil yang di dalam kawasan disebutkan tadi, dapat ditimbangkan khas untuk ditanamkan semula dengan pokok-pokok tebu yang mana pokok-pokok tebu akan dibeli oleh pihak Perbadanan Kemajuan Negeri (S.D.C.) ataupun kilang itu, maka ini akan memberi pertolongan kepada beribu-ribu orang pekebun-pekebun kecil yang sedang buta sama-sama termaklum iaitu kebun-kebun kecil

yang tidak melebihi 10 ekar, saya rasa di dalam kawasan itu. Tetapi hal ini pihak Pegawai Daerah atau pihak Kerajaan Negeri akan meminta pertimbangan perkara ini, saya harap pihak yang berkenaan menimbangkan.

Tuan Haji Abdul Taib bin Mahmud: Tuan Yang di Pertua, sekali lagi saya mengucapkan ribuan terima kasih atas pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian.

Terlebih dahulu saya ingin hendak menjawab pandangan daripada Yang Berhormat Tuan Mohd. Hanipah yang saya fikir mempunyai implikasi yang sangat praktikal sekali, iaitu atas soal orang-orang yang mempunyai kebun ataupun dalam kawasan yang akan ditanam dengan tebu di Kedah. Pada dasarnya, saya memang tertarik benar kepada apa-apa rundingan orang-orang di sana yang ingin hendak sama-sama menikmati rancangan kebun-kebun tebu di Kedah kalau mereka ada tanah, ada kebun getah lama dan mereka mahu tukarkan syarat yang menjadi—untuk boleh mereka bertanam tebu. Sebenarnya kedudukan diversification sekarang ini tidaklah begitu jelas. Tebu adalah tanaman baharu tidak termasuk jenis-jenis tanaman yang digalakkan untuk ditanamkan di bawah rancangan tanaman semula, tetapi saya sendiri memanglah sangat cenderung untuk menggalakkan orang menanam tebu asal ada syarat-syarat yang lain. Saya akan menimbang sewajarnya cara-cara hendak menggalakkan orang-orang yang diam dalam kawasan yang boleh bertanam tebu untuk bertukar bertanam tebu mengambil peluang daripada rancangan-rancangan menanam semula. Tetapi syarat-syarat lain mestilah diadakan iaitu tanahnya mestilah sesuai dengan hawanya, iklimnya mestilah sesuai untuk bertanam tebu.

Yang kedua, kawasan yang cukup luas sedikit supaya membolehkan orang-orang bertanam modal mendirikan kilang gula di sana, kalau tidak tanam tebu akan memberi banyak masalah-masalah kepada penanam-penanamnya. Pendek kata, di sini saya sanggup hendak menimbangkan sedalam-dalamnya apakah cara-cara yang saya pandang untuk menolong mereka yang bertukar kepada tebu mengambil peluang dalam rancangan tanam semula kepada mereka itu ada berdekatan dengan kawasan-kawasan yang ditanam tebu.

Saya fikir jawapan ini juga diberi kepada Yang Berhormat Tuan Shaari adalah mengenai menukarkan syarat tanahnya. Saya sedar bahawa perkara ini adalah menjadi satu masaalah di luar-luar bandar sekarang ini dan saya sendiri akan menimbulkan perkara ini dengan Menteri Besar dan Ketua Menteri dan akan mencari apakah cara yang dapat kita perolehi untuk mempercepatkan pertukaran syarat tanah dalam melaksanakan rancangan tanaman semula ini terutama sekali selepas susunan semua yang akan berbincang agak lebih panjang sedikit di bawah Rang Undang-undang yang kemudian ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain ada membangkitkan soal penyebaran benih-benih yang kurang baik. Sebenarnya soal ini tidaklah begitu jelas apa yang dianggapkan sebagai benih yang kurang baik hari ini mungkin juga ialah benih yang cukup baik dalam tahun misalnya tahun 1950 atau tahun 1952 dahulu. Saya tidak dapat menjawab dengan tepat soalan ini. Kalaupun benih-benih itu baharu-baharu ini disebarkan—dibahagikan mungkin ini bererti benih-benih itu memang betul tidak baik, tetapi kalaulah dibahagikan sebelum tahun 1960 saya fikir tidak boleh kita mencelakkan sesiapa, kerana kemajuan penyelidikan pada masa itu tidaklah begitu jauh. Walaubagaimanapun, saya fikir ini adalah akan menjadi soal theoretical sahaja, kerana tiga bulan atau empat bulan dahulu, saya telahpun memberi arahan supaya semua benih yang akan dibagikan kepada pekebun-pekebun kecil tidaklah boleh ditentukan oleh pemohon-pemohon seperti kebiasaan dahulu tetapi hendaklah diletakkan oleh R.R.I. sesuai dengan keadaan-keadaan kawasan di mana benih akan ditanam. Ini bererti bahawa kita akan memberi benih yang kita fikir paling baik kepada satu-satu kawasan dan kita tidak akan membeli benih-benih yang tidak baik dan kita akan memeriksa apa-apa benih yang kita akan bagi supaya tidak akan lagi berlaku apa-apa

kekurangan di kilang pekebun-pekebun kecil pada masa akan datang.

Fasal ganti rugi ini adalah susah bagi saya hendak menjawab kerana dari mana hendak mendapat wang saya pun tidak tahu. Sebenarnya subsidy ini dapat daripada dua sumber, iaitu satu daripada cess yang kita kenakan ialah $4\frac{1}{2}$ sen sepaun keatas semua pekebun-pekebun getah dan sumber kedua ialah subsidy daripada Kerajaan sebanyak \$300 ini tidak begitu besar jikalau kita hendak tambahkan lagi subsidy ini mungkin juga kita terpaksa akan memotong bilangan ekar-ekarnya kita akan tanam di bawah rancangan menanam semula ini. Bagi saya sendiri, saya lebih suka melihat orang menjalankan menanam semua ini daripada memberi lebih banyak wang kepada lebih sedikit bilangan tubuh orang yang akan bertanam. Walaubagaimanapun pada pihak-pihak yang akan dapat disatukan dalam rancangan yang tertentu ataupun dalam rancangan yang meliputi kawasan yang cukup besar di bawah reorganisation kita di bawah Undang-undang yang akan datang mungkin juga soal kekurangan wang untuk bertanam semula dapat kita atasi dengan cara membukakan satu estet yang dapat meminjam wang daripada Bank Pertanian.

Tentang memberi penerangan kepada pekebun-pekebun, perkara ini sebenarnya berjalan daripada beberapa tahun yang lepas dan sebenarnya bukanlah kemahuan daripada pekebun-pekebun kecil yang menghalang tanaman semula ini. Yang sebenarnya menjadi sebab mereka tidak dapat bertanam ataupun mahu bertanam

Tuan (Timbalan) Yang di Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sekarang hingga pukul 2.30 petang esok, 8hb September, 1972.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.